


JANUARI 16-31, 2019

PERCUMA

BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Ujian Penilaian Kelas KAFA 2018 Pulau Pinang terbaik lagi!

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BERTAM** - Seperti tahun 2017, Pulau Pinang muncul sekali lagi sebagai negeri yang mendapat pencapaian terbaik bagi Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) tahun 2018.

Mengulas lanjut, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berharap Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JAINPP) dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) terus berusaha mereputasi mutu pendidikan negeri, agar kelak menjadi penanda aras baru di peringkat kebangsaan.

"Saya berharap Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) Pulau Pinang menjadi peneraju dalam kurikulum dan ko-kurikulum di peringkat kebangsaan serta menjadi penanda aras pendidikan Islam di peringkat kebangsaan," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri & Perhubungan Masyarakat pada 18 Disember 2018 di hadapan 1,580 guru agama dekat Dewan Millenium, Kepala Batas di sini.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal berkata demikian ketika merasmikan Majlis Menandatangani Surat Perjanjian & Kontrak Guru KAFA Pulau Pinang.

Turut berucap, Yang di-Pertua MAINPP, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan MAINPP, Syed Mohamad Nazli Syed Ahmad.

Dalam pada itu, salah seorang guru KAFA yang mahu dikenali sebagai **USTAZAH ROSNAH**, 51, memberitahu bahawa inisiatif Bahagian Pendidikan JAINPP melatih guru-guru KAFA sedikit-sebanyak menyumbang kepada peningkatan proses pembelajaran di kelas.



**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (dua dari kiri) bersama-sama Abdul Malik Abul Kassim (tiga dari kiri) menyampaikan hadiah Anugerah Pelajar Paling Cemerlang UPKK 2018 kepada adik Nur Farah Qistina Abd. Shukur (tiga dari kanan) dengan diiringi Ustazah Rosnah (kanan sekali) dalam Majlis Menandatangani Surat Perjanjian & Kontrak Guru KAFA Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

"Alhamdulillah...daripada pemantauan saya yang bertugas lebih 25 tahun, saya nampak peningkatan demi peningkatan telah dijalankan pihak JAINPP dan JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia).

"Pada tahun 2015, kita dapat lihat peningkatan mutu pendidikan KAFA melalui program-program yang disusun atur dengan begitu baik untuk penyampaian KPKK (Korikulum Penilaian Kelas KAFA), sehinggalah pada tahun 2018, begitu banyak program dijalankan.

"Pencapaian terbaik UPKK ini adalah kerana usaha murid-murid, teknik mengajar guru terlatih dan program-program pentadbiran yang menarik serta tersusun untuk anak-anak murid kita sebenarnya," jelasnya.

Beliau turut memuji inisiatif Bahagian Pendidikan JAINPP yang menyediakan hadiah dan anugerah untuk mengenang tenaga pengajar yang pencen, sekolah-sekolah yang mendapat pencapaian terbaik serta murid-murid cemerlang UPKK.

"Anugerah-anugerah yang disediakan pada hari ini adalah simbol penghargaan terhadap kami, dalam kalangan guru-guru agama, juga murid-murid.

"Mulai tahun 2019, akan ada beberapa lagi rombakan pada silibus PDP (Pengajaran dan Pembelajaran), dengan menggunakan buku ringkasan.

"Selepas bulan April dan seterusnya, kita menyediakan ringkasan rancangan pengajaran harian dengan menggunakan aplikasi pintar dalam telefon bimbit kita pula.

"Walaupun mungkin ini sesuatu yang baru, tapi kami di peringkat guru-guru agama sahut elemen teknologi ini untuk meningkatkan lagi mutu pendidikan KAFA.

"Seperti hari ini, inilah pertama kali hampir 1,580 tenaga pengajar KAFA menjawab peperiksaan peningkatan perguruan dengan menggunakan telefon bimbit secara serentak di Dewan Millenium Kepala Batas ini, dan selesai sahaja ujian secara atas talian, semua guru-guru boleh melihat markah ujian masing-masing sebab betapa pantasnya apabila elemen *Internet of Things* (IoT)," katanya sambil melahirkan rasa syukur kerana 100 peratus pelajarnya lulus UPKK 2018.

Nada yang sama turut dikongsi oleh murid paling cemerlang UPKK 2018 Pulau Pinang, **NUR FARAH QISTINA ABD. SHUKUR**, 11.

Nur Farah Qistina merupakan pelajar kepada 'Ustazah Rosnah', di Sekolah Agama Rakyat An-Nur dekat Masjid Lama Sungai Bakap, Daerah Seberang Perai Selatan (SPS).

Nur Farah Qistina mengaku bahawa suasana persekitaran di kelas KAFA sangat menarik, salah satu puncanya adalah kreativiti Ustaz dan Ustazah dalam memupuk minat belajar agama dalam kalangan murid-murid.

"Kelas KAFA memang seronok, bukan sahaja belajar untuk mendapat A dalam peperiksaan, ada juga latihan amali dan pernah ada modul permainan menggunakan telefon pintar.

"UPKK 2018, Alhamdulillah saya mengambil lapan subjek di sini," jelasnya sambil menzahirkan penghargaan kepada guru-guru dan juga kepada ibu bapanya.

Dalam suatu wawancara berasingan, Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan JAINPP, **USTAZ NAZIR ABDUL HAMID** menyatakan bahawa kalau boleh beliau mahu pentadbiran KAFA Pulau Pinang memanfaatkan IoT sepenuhnya serta tidak lagi membazirkan 'kertas A4'.

*(Bersambung di muka 3).*

# Program *Food Bank* bakal diperluas ke seluruh negara

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Program Mutiara Food Bank yang mula diperkenalkan di negeri ini bakal diperluaskan ke seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak mulai Januari 2019.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, program yang merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkaitan adalah untuk menyampaikan bantuan makanan secara langsung kepada kelompok masyarakat yang memerlukan.

"Program Mutiara Food Bank mula diluncurkan pada 1 Mei 2017 dan sambutan yang diberikan daripada kelompok masyarakat di sini adalah amat menggalakkan.

"(Dan) sekiranya inisiatif yang sama kita 'tiru' dan bawanya ke seluruh negeri, pastinya ia akan memberikan impak besar dalam membantu melegakan tekanan kos sara hidup kumpulan penerima yang rata-ratanya B40," ujarnya sejurus Majlis Pelancaran Food Bank Malaysia di sini 22 Disember lalu.

Selain aspek halal, menurut Saifuddin, komponen lain yang turut dititikberatkan adalah tarikh luput sesuatu produk makanan.

"Sudah menjadi kewajipan kepada kerajaan untuk memastikan hanya makanan halal dan terbaik disumbangkan kepada masyarakat.

"Saya berharap program ini juga dapat mengatasi pembaziran makanan selain isu kenaikan kos sara hidup," katanya sambil memaklumkan bahawa Kementeriannya akan menerajui program berkaitan di seluruh negara.

Terdahulu, perasmian Program Food Bank Malaysia disempurnakan oleh Menteri Kewangan, Lim Guan Eng yang mewakili Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

"Kerajaan yakin, dengan adanya Program Food Bank Malaysia yang akan diterajui oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berkaitan, ia bakal meringankan kesan kenaikan kos sara hidup dan juga mengurangkan pembaziran makanan dalam kalangan rakyat negara ini.

"Isu lebihan makanan bukanlah perkara asing di Malaysia, rakyat (Malaysia) menghasilkan sebanyak 15,000 tan lebihan makanan setiap hari, dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,000 tan adalah lebihan makanan yang masih elok serta selamat dimakan.

"Sekiranya 3,000 tan makanan tersebut dapat diagihkan dengan optimum, maka kuantiti ini boleh digunakan untuk memberi manfaat kepada hampir dua juta rakyat Malaysia, nampak remeh tetapi mempunyai impak besar kepada mereka yang memerlukan," kata Guan Eng ketika membacakan teks ucapan Perdana Menteri.

Tambah beliau, bagi memastikan pengurusan lebihan makanan dan pelaksanaan Program Food Bank Malaysia lebih sistematik, Kerajaan telah bersetuju untuk mewujudkan sebuah yayasan dikenali sebagai Yayasan Food Bank Malaysia.

"Yayasan ini akan menjadi pemangkin kepada usaha kerajaan untuk mengurangkan pembaziran makanan di samping menangani isu peningkatan kos sara hidup rakyat, dan ia (yayasan) akan diterajui oleh pemegang amanah terdiri daripada mereka yang berpengalaman serta komited dalam menjayakan inisiatif ini," katanya yang turut berhasrat memperluaskan




**(Barisan pertama, dari kanan), SAIFUDDIN Nasution Ismail, Lim Guan Eng dan Tengku Zatashah Sultan Sharafuddin Idris Shah pada Majlis Perasmian Program Food Bank Malaysia di sini baru-baru ini.**

program tersebut sehingga ke pedalaman Sabah dan Sarawak.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang mewakili Ketua Menteri; Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Chong Chieng Jen; Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin; Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Sri Jamil Salleh dan Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

Tetamu Diraja, Puteri DiRaja Selangor, Y.A.M. Tengku Datin Paduka Setia Zatashah Sultan Sharafuddin Idris Shah turut hadir pada majlis perasmian berkaitan.

Difahamkan, menerusi Program Food Bank Malaysia, lebihan makanan yang diterima daripada pasar raya terkemuka seperti Tesco dan lain-lain akan disalurkan kepada kelompok sasar serta rumah kebajikan berdaftar dalam negara.

Sebagai permulaan, program berkaitan mensasarkan 186,354 Ketua Isi Rumah (KIR) yang berada di bawah Paras Garis Kemiskinan di seluruh negara yang mana bakal menerima manfaat daripada agihan lebihan makanan yang dikumpulkan.

## Kenyataan Media Ketua Menteri Pulau Pinang

**TSUNAMI DI ANYER, BANTEN INDONESIA**

Dunia dikejutkan dengan kejadian sedih negara jiran susulan tsunami yang berlaku di Anyer, Banten dekat Indonesia pada 22 Disember 2018.

Gelombang tsunami yang berlaku telah meragut nyawa dan juga membawa pelbagai kerosakan sepertimana yang dilaporkan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang melahirkan rasa simpati atas musibah ini serta merakamkan ucapan takziah kepada Indonesia dan seluruh ahli keluarga terlibat, diharapkan mereka tabah dengan ujian ini. Doa kami tetap bersama-sama mereka.

Dalam menzahirkan simpati, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedia menghulurkan bantuan apa yang terdaya dan menyeru seluruh rakyat Malaysia dan Pulau Pinang khasnya untuk mendoakan kembali kesejahteraan penduduk di Anyer, Indonesia.

**CHOW KON YEOW**
**24 Disember 2018.**




Oleh: **ME**

# Kuala Juru sebagai destinasi ekopelancongan

**BUKIT TENGAH -** Lebih 300 peserta terdiri daripada ahli-ahli kelab berbasikal serta komuniti setempat mengambil bahagian dalam penganjuran program kayuhan ria, Jamboree Berbasikal Bukit Juru anjuran Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah.

Majlis pelepasan peserta program disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow bertempat di hadapan tapak Unit Nelayan Kuala Juru di sini 16 Disember 2018.

Kon Yeow dalam ucapannya menyatakan bahawa penganjuran program bertemakan *'Discover Bukit Juru'* tersebut adalah bertujuan mempromosi kawasan Bukit Juru sebagai destinasi ekopelancongan di negeri ini.



**SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian dalam penganjuran Jamboree Berbasikal Bukit Juru di sini baru-baru ini.**

"Kita (Kerajaan Negeri) berharap agar Kuala Juru dapat dimajukan sesuai dengan keadaan alam sekitarnya sebagai destinasi ekopelancongan yang mampu menambah nilai kawasan di sini.

"Sekiranya kita dapat menambah unsur-unsur baru di samping kemudahan-kemudahan sedia ada di kawasan ini seperti memperkenalkan aktiviti riadah, program berbasikal, menaiki bot, memancing dan sebagainya, saya percaya Kuala Juru akan menjadi kawasan pelancongan sekaligus meningkatkan ekonomi penduduk setempat.

"Sememangnya adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk memperkasakan komuniti setempat dalam meningkatkan ekonomi serta menambahkan pendapatan," ujarnya pada majlis berkaitan.

Turut berucap sebelum itu, ADUN Bukit Tengah, Gooi Hsiao-Leung yang menjelaskan bahawa kawasan Bukit Juru, Kuala Juru, Sungai Juru dan Bukit Kecil merupakan tempat yang indah untuk dibangunkan sebagai destinasi ekopelancongan.

"Pembangunan yang dilaksanakan bukan sahaja mampu menarik kehadiran pelancong dari luar negeri, malah juga penduduk Seberang Perai untuk datang menikmati alam semula jadi di sini," katanya.

Hadir sama, Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan & Kesenian, Yeoh Soon Hin; Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan merangkap ADUN Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin; Timbalan Ketua Polis Seberang Perai Tengah (SPT), Supritendan Mohd. Mustafa Bidin; Pengurus Besar Auto City, Gary Teoh Kiang-Hong serta komuniti setempat.

Selain kayuhan ria, program yang dianjurkan dengan kerjasama Kerajaan Negeri, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Think City Sdn. Bhd. serta Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kuala Juru tersebut turut dimeriahkan dengan persembahan seni silat dan senaman zumba.

*(Sambungan dari muka 1).*

## Pencapaian bakal membakar semangat semua pihak terlibat

Atas maksud itu, menurut beliau, Bahagian Pendidikan JAINPP sedang menyiapkan aplikasi pintar 'Apps KAFA Menengah' ala *'Pokemon Go'* untuk mengubah tabiat pelajar-pelajar KAFA yang memburu mata permainan ke arah tempat-tempat baik seperti masjid dan kelas agama.

"Contohnya, kalau murid-murid KAFA ke masjid, kita sediakan *'QR Code'* di masjid untuk mereka buat imbasan dan dapat mata permainan.

"Begitu juga kalau mereka ambil bahagian untuk azan di masjid, boleh juga meningkatkan mata permainan.

"Kalau di kelas KAFA, kita boleh didik mereka secara formal, tapi di luar kelas, anak-anak kita nak tarik pergi masjid macam mana?

"Ada anak-anak kita lebih 12 jam bersama-sama telefon pintar, main *'game'*, jadi kita akan sediakan aplikasi pintar juga untuk ubah tabiat mereka bagi dekatkan diri dengan agama.

"Sudah lama kita cakap peri penting IoT dan IR4.0 (Revolusi Perindustrian 4.0), jadi projek perintis 'Apps KAFA Menengah' yang kita hasrat untuk lancarkan tidak lama lagi ini, diharap dapat mengolah minat anak-anak kita supaya kembali dekat kepada agama," ujarnya.

Serentak itu, Nazir turut menzahirkan rasa syukur kerana projek perintis Bahagian Pendidikan JAINPP iaitu "Quizizz", aplikasi peperiksaan secara atas talian dengan menggunakan telefon pintar dapat dilaksana secara serentak membabitkan kira-kira 1,580 ustaz serta ustazah di Dewan Millenium, Kepala Batas.

"Asal pencapaian dalam UPKK pada tahun 2016, Pulau Pinang berada di kedudukan kedua terbaik di belakang negeri Johor.

"Alhamdulillah, pencapaian UPKK 2017, kita di kedudukan Nombor 1, dan tahun 2018 sekali lagi kita kekal di kedudukan terbaik.



**USTAZ Nazir Abd. Hamid.**

"Saya sendiri berharap pencapaian bersama ini akan membakar semangat para pegawai di JAINPP, ustaz dan ustazah serta murid-murid Kelas KAFA sendiri, bukan sahaja terus memburu kecemerlangan, bahkan menghasilkan lebih banyak produk inovasi untuk meningkatkan lagi mutu pendidikan agama di Pulau Pinang," katanya.

## Perutusan Tahun Baru 2019 Ketua Menteri Pulau Pinang

**TAHUN** 2018 bakal melabuhkan tirainya dan meninggalkan kita dengan pelbagai peristiwa, pengalaman dan cabaran yang telah kita harungi sepanjang perjalanan ini.



**CHOW Kon Yeow.**

Malah, tahun 2018 turut menyaksikan perubahan besar kepada sejarah negara selepas rakyat Malaysia telah memberi mandat baharu kepada Kerajaan Pakatan Harapan sekaligus menolak kerajaan kleptokrasi yang telah membelakangi prinsip-prinsip keadilan, kebebasan, kebenaran, demokrasi dan integriti dalam pentadbiran berusia lebih 60 tahun.

Keputusan rakyat untuk menukar dan memberi mandat baharu kepada Kerajaan Pakatan Harapan harus diterima dengan hati terbuka dan penuh kepercayaan. Tahun 2019 hadir memberikan peluang kepada kita semua untuk membuat perubahan dan memulihkan serta mengembalikan negara ini ke landasan yang betul.

Bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, visi *Penang2030* akan menjadi panduan dan hala tuju Kerajaan Negeri untuk mentadbir negeri ini dalam tempoh 10 tahun akan datang. Visi *Penang2030* akan memberi penekanan kepada pembangunan keluarga dalam negeri yang hijau dan pintar. Empat (4) teras utama dalam visi tersebut akan dijadikan panduan bagi memastikan segala perancangan pembangunan negeri ini dapat dilaksanakan secara menyeluruh tanpa meminggirkan mana-mana kawasan di bahagian pulau mahupun Seberang Perai. Semua golongan masyarakat dan sektor pembangunan akan dijanjikan kesaksamaan dan keseimbangan demi kelangsungan negeri tercinta ini.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang bukan sahaja berusaha memelihara kehidupan sejahtera, malah serentak itu turut menyasarkan untuk memperluaskan kemakmuran ekonomi agar dinikmati segenap lapisan rakyat di negeri ini.

Sejak tahun 2010, Kerajaan Negeri telah melancarkan inisiatif *Cleaner, Greener Penang* dengan hasrat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri yang hijau dan bersih. Bagi menjayakan inisiatif berkaitan, usaha berterusan diperlukan sehingga ia menjadi gaya hidup rakyat supaya lebih prihatin terhadap alam sekitar.

Selaras dengan Revolusi Industri 4.0 yang menguasai dunia masa kini, Pulau Pinang akan terus mengekalkan momentum sedia ada melalui platform-platform yang telah tersedia untuk turut bersaing dalam dunia teknologi ini. Kerajaan Negeri kini dalam pertimbangan dan cadangan untuk mewujudkan satu portfolio baru iaitu Transformasi Digital di bawah Ketua Menteri sendiri.

Dalam sektor perindustrian pula, Pulau Pinang mencatatkan rekod pelaburan yang memberangsangkan bagi tahun 2018. Bagi separuh tahun pertama 2018, Pulau Pinang mencatatkan pelaburan sebanyak RM1.98 bilion. Daripada jumlah tersebut, pelaburan asing menyumbang sebanyak RM716 juta, manakala pelaburan domestik menyumbang sebanyak RM1.27 bilion. Kerajaan Negeri berharap agar ekonomi dunia bertambah baik pada tahun 2019 dan sekaligus melonjakkan kembali jumlah pelaburan masuk ke negeri ini.

Sebagai tambahan, bersempena tahun baru ini juga saya berharap semua dikurniakan dengan kesihatan yang baik. Uruskan masa dengan baik supaya semua mempunyai masa untuk bersenam berserta diet pemakanan yang baik.

Dengan ini, saya menjemput semua rakyat Pulau Pinang bersama-sama untuk mengalu-alukan ketibaan 2019 dengan semangat perpaduan dan kegembiraan di dalam hati kita. Semoga lembaran baharu ini dimulakan dengan azam dan semangat yang baharu.

# Cadangan pembesaran PIA tarik minat syarikat swasta

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**BAYAN LEPAS** – Cadangan bagi melaksanakan projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) dekat sini berjaya menarik minat beberapa syarikat swasta.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, setakat ini ada syarikat swasta yang tampil mengemukakan cadangan agar lapangan terbang tersebut ditingkatkan kapasitinya.

"Mereka mencadangkan penambahan kapasiti kepada 16 juta penumpang setahun (mppa) berbanding cadangan asal 12 mppa.

"Walau bagaimanapun, cadangan tersebut (16 mppa) memerlukan pengambilan tanah di luar 'bank' lapangan terbang kini.

"Cadangan bagi pembesaran PIA telah dikemukakan kepada Menteri di Kementerian Pengangkutan, dan kini kita (Kerajaan Negeri) hanya menunggu keputusan sama ada dipersetujui atau tidak," katanya pada sidang media sejurus penganjuran *Malaysia Dutch Business Council (MDBC) Penang Dialogue 2018* di sini baru-baru ini.

Menurut Kon Yeow, pihak Kementerian akan mengkaji secara terperinci termasuk menambah baik ruang dalam lapangan terbang bagi meningkatkan tahap keselesaan penumpang terutama ketika musim cuti persekolahan.

Tambahnya, sebelum perubahan tampuk pentadbiran di Putrajaya, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) telah melantik jururunding bagi mendapatkan pandangan berhubung penambahan kapasiti penumpang dari 6.5 mppa kini kepada 12 mppa.

"Bagi pembesaran berkapasiti 12 mppa ini, ia tidak memerlukan pengambilan tanah, walau bagaimanapun, terpulang kepada pihak Kementerian untuk menentukannya.

"Saya difahamkan bahawa Kementerian juga giat melakukan pengezonan membabitkan wilayah utara, tengah, selatan dan Sarawak.

"(Dan) pastinya, pihak Kerajaan Persekutuan memilih untuk menjalinkan usahasama bersama-sama pihak swasta terutama dalam soal inisiatif kewangan berbanding pembiayaan modal dana kerajaan semata-mata," ujar Kon Yeow.




**RUANG menurunkan penumpang berdekatan Balai Pelepasan PIA.**

## Pulau Pinang terima pengiktirafan sebagai destinasi pelayaran nombor satu

**GEORGE TOWN** – Industri pelancongan pelayaran Pulau Pinang terus mencatatkan pertumbuhan positif apabila kemasukan kapal pelayaran antarabangsa ke Terminal Kapal Persiaran Pelabuhan Swettenham (SPCT) dijangka meningkat enam peratus sehingga Disember 2018.

Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian, Yeoh Soon Hin berkata, dari Januari sehingga Oktober 2018, direkodkan sebanyak 1,756 kapal pelayaran berlabuh di SPCT dengan jumlah penumpang mencecah 868,060 orang.

"Kerajaan Negeri menjangkakan jumlah rasmi yang direkodkan meningkat enam peratus berbanding tahun 2017 iaitu melebihi 2,100 persinggahan kapal pelayaran.

"Angka ini juga sekaligus menyangkal dakwaan laporan sebuah akhbar berbahasa Inggeris pada 1 Disember 2018 yang menggambarkan bahawa Pulau Pinang hanya menerima 866 kapal pelayaran melalui SPCT berbanding 1,985 persinggahan sebelum ini (2017).

"(Dan) Kerajaan Negeri kecewa dengan laporan tidak tepat seperti yang dilaporkan kerana kita (Kerajaan Negeri) tidak tahu daripada mana angka 500,000 penumpang diperoleh," ujarnya dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Penang Global Tourism, Ooi Chok Yan.



**YEOH Soon Hin.**

Mengulas lanjut, Soon Hin menyatakan bahawa pihak *Cruise Lines International Association* memberi pengiktirafan kepada Pulau Pinang sebagai destinasi pelayaran nombor satu berdasarkan jumlah persinggahan kapal pelayaran antarabangsa.

"Pulau Pinang berada di tangga kelima di Asia seperti yang dilaporkan dalam *'Asia Cruise Trends'* oleh *Cruise Lines International Association* pada tahun 2017.

"(Dan) ini sekaligus menjana ekonomi sekitar bandar raya George Town termasuk di SPCT sendiri yang mana setiap penumpang kapal persiaran yang berlabuh di sini membelanjakan sekurang-kurangnya AS$100 (RM420)," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif Penang Port Sdn. Bhd., V. Sasedharan memberitahu bahawa SPCT saban tahun mencatatkan lebih satu juta penumpang sejak lima tahun.

"Tahun 2018 juga dijangka melebihi satu juta penumpang kerana sehingga Oktober 2018, sejumlah 868,060 penumpang telah direkodkan tiba di sini.

"Malah, pada hari laporan berita itu disiarkan, terdapat tiga kapal persiaran bertumpu di dermaga... angka-angka kehadiran penumpang pada hari tersebut masih belum diaudit dan dimuktamadkan lagi sehingga tahun 2019," jelasnya yang turut mempersoalkan kenyataan akhbar berkaitan.

Tambah Sasedharan, SPCT menerima antara 15 hingga 20 kapal pelayaran berlainan syarikat dan antara nama-nama kapal pelayaran terkenal adalah *Royal Caribbean Cruises, Princess, Star Cruises* dan *Costa*.

"Syarikat *Royal Caribbean Cruises Limited*, antara syarikat kapal persiaran terkemuka dunia turut menandatangani perjanjian persefahaman bersama-sama Penang Port (Sdn. Bhd.) untuk membangunkan semula SPCT.

"Tahun 2019 juga akan menjadi lebih baik apabila pihak kami (Penang Port Sdn. Bhd.) turut bekerjasama dengan *Penang Global Tourism* bagi merancakkan lagi pelancongan pelayaran di Pulau Pinang," katanya yang turut meminta akhbar berkaitan untuk memohon maaf serta menarik semula laporan berita tersebut.

## Lantikan konsultan Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang berlandaskan tender terbuka, prinsip CAT

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri bakal melantik konsultan untuk menganalisis perkembangan semasa pelancongan negeri Pulau Pinang sekaligus merangka suatu pelan induk pelancongan baharu bagi tempoh sehingga tahun 2030.

Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian, Yeoh Soon Hin berkata, konsultan yang bakal dilantik itu mestilah arif tentang pelancongan, warisan, budaya serta kesenian yang ada di negeri ini.

"Malah, rangka pelan induk pelancongan ini juga harus selari dengan pelan pembangunan yang digagaskan oleh Ketua Menteri sehingga tahun 2030 nanti.

"Kita (Kerajaan Negeri) tidak hanya menumpu untuk membangunkan industri pelancongan semata-mata, sebaliknya harus juga memasukkan elemen lain seperti warisan, kebudayaan dan kesenian dalam merangka pelan induk tersebut," ujarnya dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Soon Hin, permintaan kertas cadangan *(request for proposal)* akan dilakukan berlandaskan sistem tender terbuka dan CAT (Cekap, Akauntabiliti dan Telus).

"Pelan ini dilihat akan merangkumi strategi dan hala tuju Kerajaan Negeri dalam dua fasa iaitu Fasa 1 (2019-2024) dan Fasa 2 (2025-2030) bagi memastikan industri pelancongan Pulau Pinang terus berdaya maju.

"Kajian semula juga akan dilaksanakan selepas Fasa 1 selesai bagi menilai kemajuan yang dikecapi sepanjang tempoh tersebut berdasarkan komponen PEST (politik, ekonomi, sosio-budaya, teknologi).

"Objektif menilai semula adalah untuk memastikan pelan ini benar-benar pelan tindakan yang mencapai sasaran dimahukan," katanya yang telah memulakan beberapa perbincangan kecil bersama-sama pemain industri dan pihak berkepentingan kini.

Difahamkan, agensi negeri seperti *Penang Institute* (PI), *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI), *Penang Global Tourism* (PGT), *Penang Convention and Exhibition Bureau* (PCEB), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan turut terlibat dalam merangka Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang 2019-2030 berkaitan.

# Laman Fotografi Taman Rekreasi Awam Sembilang, JOM!

Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**SEBERANG JAYA -** Laman Fotografi dengan hasilan mural dan grafiti cantik di Taman Rekreasi Awam Sembilang yang telah siap dinaik taraf bakal memberi kelainan kepada para pengunjung di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, paling penting bukanlah RM120,120 yang dibelanjakan untuk projek penarafan berkaitan, sebaliknya adalah impak sosial iaitu rakyat terbanyak boleh menikmati infrastruktur awam tersebut.

"Sekiranya kita (Kerajaan) dapat tambah nilai *(added value)* kepada apa yang kita dapat lihat ini, akhirnya rakyat boleh *'enjoy'*.




**SALAH seorang artis sedang menyiapkan hasil seni beliau.**

"(Laman Fotografi Taman Rekreasi Awam Sembilang) ini adalah satu contoh, kolaborasi dan inisiatif pelbagai pihak yang dapat menjayakan projek bermakna ini.

"Saya berharap Laman Fotografi ini bukan sahaja menjadi kawasan tumpuan penduduk Seberang Jaya terutama di Taman Sembilang, malah juga tarikan buat rakyat Pulau Pinang amnya untuk berkunjung ke sini," ujarnya sebelum merasmikan acara pembukaan Laman Fotografi Seberang Jaya dekat Taman Rekreasi Awam Taman Sembilang di sini pada 15 Disember 2018.

Turut berucap, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin dan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud.

Lanjutan itu, Kon Yeow turut merakamkan penghargaan kepada Afif kerana mengilhamkan dekorasi Laman Fotografi dengan konsep unik, hasil lawatan kerja beliau melihat taman-taman awam menarik di negara jiran, Indonesia.

Dalam pada itu, Rozali menyatakan bahawa RM120,120 kos projek penarafan tersebut adalah dengan menggunakan wang sumbangan menggantikan penyediaan kemudahan (kawasan tanah lapang).

Tambah beliau, projek penarafan yang telah siap dibuat adalah meliputi kerja-kerja pembaikan laluan pejalan kaki, struktur dinding konkrit *(free standing concrete wall)*, pembinaan dataran kejat, struktur arca bangku, lantai konkrit longkang untuk laluan masuk, papan tanda nama Taman Rekreasi Awam Sembilang, papan tanda larangan, penanaman pokok teduh dan renek serta penanaman rumput.

"MPSP merupakan sebuah organisasi berorientasikan rakyat atau *'People Centric Organization'*, kita akan terus memperbanyak lagi program sejajar dengan *'People Centric'* ini.

"Kewujudan Laman Fotografi seumpama ini adalah untuk menarik golongan remaja mengikuti sohor kini, untuk aktiviti rekreasi sambil berswafoto dengan berlatarbelakangkan pemandangan indah Sungai Perai dan lukisan-lukisan menarik pada struktur dinding konkrit," jelasnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Rozali memberitahu bahawa inisiatif projek MPSP terbaru itu adalah berlandaskan *Penang2030* iaitu wawasan pembangunan Pulau Pinang dalam tempoh 12 tahun sehingga tahun 2030 yang digagaskan sendiri oleh Kon Yeow.



**KETUA Menteri bersama-sama Dr. Afif Bahardin (berbaju batik) dan Sr. Rozali Mohamud (berkopiah) bergambar kenangan dengan jawatankuasa penganjur dan sebahagian peserta pada acara pembukaan Laman Fotografi dekat Taman Rekreasi Awam Taman Sembilang di sini baru-baru ini.**



**PARA pengunjung tidak melepaskan peluang merakam gambar kenangan lukisan grafiti yang dipamerkan.**

## 4T transformasi Batu Maung sebagai bandar maju bersih, hijau, selamat dan pintar

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BATU MAUNG –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Halim Hussain menyifatkan pembukaan *STEAM Learning Centre* adalah selari dengan visi *Penang2030* bagi menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri pintar.



**ABDUL Halim Hussain (berkemeja putih) dan Ar. Yew Tung Seang (berkemeja biru) beramah-mesra dengan sebahagian kanak-kanak yang hadir pada Majlis Pembukaan STEAM Learning Centre di sini baru-baru ini.**

Katanya, terdapat 4T untuk mentransformasikan Batu Maung sebagai bandar maju yang bersih, hijau, selamat dan pintar.

"T yang pertama ialah *'tourism'* yang mana Batu Maung sememangnya mempunyai produk-produk pelancongan yang sangat menarik seperti *War Museum*, Akuarium Batu Maung, *Sampo Kong* atau Cheng Ho, kampung tradisi Teluk Tempoyak serta Sungai Keluang dan paya bakau yang boleh dibangunkan sebagai kawasan *boat ride*.

"Kedua, teknologi iaitu kawasan ini merupakan nadi utama ekonomi Pulau Pinang, dan dengan adanya Pusat STEAM ini sebagai persediaan jangka panjang untuk melahirkan lebih ramai bakat berkemahiran untuk mengisi industri teknologi negeri.

"Diikuti T ketiga iaitu *'transport'* yang mana Batu Maung terlibat secara langsung dengan *Penang Transport Master Plan* (PTMP) yang akan memberi manfaat kepada penduduk di sini. Walau bagaimanapun, diharap PTMP ini bukan sahaja menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas malah pada masa sama mengekalkan kawasan hijau dan habitat ikan di sini.

"Terakhir, *'transquillity'* bermaksud satu keadaan yang tenang, aman damai dan harmoni ataupun menjadikan Batu Maung satu tempat yang *'tranquil'* untuk sesebuah keluarga," jelasnya yang juga Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan pada Majlis Pembukaan STEAM Learning Centre di sini 16 Disember lalu.

Hadir menyempurnakan majlis perasmian mewakili Ketua Menteri ialah Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang.

Mengulas lanjut, Abdul Halim dalam pada itu berharap lebih banyak pihak profesional dan swasta bakal tampil membantu menjayakan serta mengekalkan inisiatif rintis Pusat STEAM tersebut.

"Pusat ini dijangka akan beroperasi sepenuhnya penghujung Januari 2019," ujarnya.

# Pusat kemudahan pesakit kanser kanak-kanak dalam pertimbangan – Exco

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**



**DR. Afif Bahardin (berkemeja putih) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima pada Program Kembali Ke Sekolah anjuran Persatuan Sahabat Kanak-kanak Kanser Wilayah Utara di sini baru-baru ini.**

**SEBERANG JAYA –** Sebuah pusat kemudahan bagi pesakit kanser kanak-kanak yang dimohon Persatuan Sahabat Kanak-kanak Kanser Wilayah Utara sedang dalam pertimbangan, maklum Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Katanya, kemudahan berkaitan adalah untuk memberi keselesaan kepada kanak-kanak yang menghidap kanser serta ibu bapa yang perlu menjaga mereka.

"Saya amat gembira dengan inisiatif yang digerakkan ibu bapa melalui Persatuan Sahabat Kanak-kanak Kanser Wilayah Utara ini.

"Saya faham, kita menerima beberapa permohonan daripada ibu bapa yang perlu menjaga anak-anak istimewa ini, dan ia sedang diusahakan merujuk kepada permintaan tersebut.

"Diharap kerjasama yang berterusan dapat dijalin di antara persatuan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kerajaan Negeri," ucapnya pada Program Kembali Ke Sekolah anjuran persatuan berkenaan di sebuah pasar raya dekat sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Persatuan Sahabat Kanak-kanak Kanser Wilayah Utara, Maznah Taib.

Pada majlis tersebut, seramai 70 kanak-kanak yang mengidap kanser menerima bantuan kelengkapan sekolah bagi memasuki sesi persekolahan baru.

Tambah Afif, sungguhpun menghidap penyakit kanser, beliau yakin kanak-kanak tersebut mampu mencapai kejayaan yang sama dengan mereka (kanak-kanak) yang normal.

# Pulau Pinang, RBG Edinburg bakal meterai MoU pemeliharaan Taman Botani

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan *Royal Botanic Garden of Edinburgh* (RBGE) bakal menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk bekerjasama dalam projek pemeliharaan Taman Botani Pulau Pinang.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, ia merupakan kerjasama kali kedua dengan taman botani antarabangsa mengenai cara pemeliharaan dan penarafan Taman Botani Pulau Pinang.

"Saya telah mengadakan lawatan ke *Royal Botanic Garden of Edinburgh* baru-baru ini dan mereka bersetuju untuk menjalinkan kerjasama dengan Pulau Pinang.

"(Dan) kerjasama ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk memiliki taman botani yang disenaraikan sebagai tapak warisan," katanya kepada media sejurus Majlis Penyerahan Cek Tabung Amanah Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) kepada St. Paul's Church di sini 20 Disember 2018.

Menurut Jagdeep, melalui persidangan Dewan Undangan Negeri tahun lalu, telah diluluskan Enakmen Perbadanan Taman Negeri (Botani) Pulau Pinang 2017 yang juga merupakan langkah pertama ke arah menjadikan Taman Botani Pulau Pinang sebagai Tapak Warisan UNESCO.

"Pada Januari 2017, perjanjian sama turut dimeterai dengan Taman Botani Singapura untuk berkongsi pengetahuan dan teknologi hortikultur, pengurusan taman, pemuliharaan serta penyelidikan.

"Malah, kita (Kerajaan Negeri) juga turut melihat jenis kerjasama lain yang boleh diusahakan bersama-sama *Kew Gardens, London* dengan menjemput mereka untuk datang ke Malaysia khasnya ke Pulau Pinang bagi melatih pakar hortikultur di sini.

"(Dan) secara dasarnya, pihak pengurusan *Kew Gardens* telah bersetuju untuk memberi biasiswa kepada rakyat Malaysia, bukan sahaja penduduk Pulau Pinang, malah juga melatih mereka dalam bidang hortikultur dan botani.

"Hal ini kerana, *Kew Gardens* sahaja satu-satunya taman yang boleh mengeluarkan dan mengesahkan ahli botani serta ahli hortikultur," jelasnya yang turut melawat ke *Kew Gardens, London* baru-baru ini.

Tambah Jagdeep, terdapat kadar perolehan pekerja yang tinggi di taman botani di sini, namun masih kekurangan pakar dalam bidang hortikultur.

"Itulah kekangan yang dihadapi dalam menguruskan taman-taman di sini, kita perlu melatih pekerja kita untuk lebih memahami bidang hortikultur dan pengurusan taman botani.

"Sebab itu, Kerajaan Negeri merancang untuk bekerjasama dengan pihak pengurusan *Kew Gardens* bagi melihat sama ada mereka boleh menawarkan kursus jangka pendek atau sederhana atau mungkin kursus penuh kepada pekerja kita yang layak," ujarnya.

Jagdeep dalam pada itu turut berharap agar pihak pengurusan *Kew Gardens* akan bersetuju dengan cadangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk melahirkan lebih ramai lagi ahli serta pakar dalam bidang hortikultur dan botani.

# Bekalan telur mencukupi untuk Tahun Baru Cina – Timbalan Menteri

**NIBONG TEBAL –** Harga telur kini kembali stabil dan bekalan bagi musim perayaan termasuk sambutan Tahun Baru Cina pada Februari ini adalah mencukupi, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin.

Tze Tzin menegaskan bahawa terdapat beberapa faktor yang mendorong kepada kenaikan harga telur baru-baru ini antaranya adalah penutupan ladang-ladang kecil sejak tahun 2016.

"Kekurangan pengeluaran bekalan telur ini berlaku akibat penurunan bilangan ladang ayam penelur sebanyak 19 peratus yang mana pada tahun 2016, terdapat 98 ladang penelur dengan kapasiti keseluruhan 1,874,380 ekor berbanding 79 ladang penelur (2017) dengan 1,460,880 ekor ayam.

"Penutupan ladang-ladang kecil ini memberi impak besar kepada pengeluaran kerana permintaan meningkat, sebaliknya penawaran menurun.

"Malah, baru-baru ini berlaku insiden penutupan sementara sebuah ladang di Perak kerana disyaki dijangkiti virus. Pengurangan pengeluaran ini telah menimbulkan situasi *'panic buying'* oleh pengguna hingga menyebabkan harga meningkat mendadak," ujarnya yang juga merupakan Ahli Parlimen Bayan Baru ketika mengadakan lawatan ke salah sebuah ladang ayam penelur di sini 21 Disember 2018.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap merangkap Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN), Dr. Amar Pritpal; ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik dan pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang.

Difahamkan, lawatan tersebut adalah bagi mengetahui punca sebenar masalah yang timbul hingga mendorong kepada kenaikan harga telur di Semenanjung utara negara.

Menurut Tze Tzin, Kementerian adalah bertanggungjawab untuk menstabilkan harga berkenaan dan diminta mencari penyelesaiannya dengan mengadakan perjumpaan serta sesi dialog bersama-sama lebih 300 pengusaha seluruh negara dan 20 di Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, beliau menyatakan bahawa Malaysia mempunyai telur ayam yang mencukupi pada kadar kecukupan (SSL) sebanyak 113 peratus.

"Buat masa ini, kita tidak bercadang untuk mengimport telur memandangkan SSL nasional pun 113 peratus.

"Malah, daripada jumlah tersebut, Malaysia mengeksport sekitar 10 hingga 15 peratus ke beberapa negara seperti Hong Kong, Dubai, Maldives dan Singapura," jelas beliau.

# Sumbangan sebagai simbol usahasama memartabatkan pembangunan umat Islam

**PENGKALAN KOTA -** Kerajaan Negeri dalam tempoh 10 tahun sehingga 2018 telah menyalurkan lebih RM20 juta peruntukan khusus untuk projek pembangunan masjid dan surau di negeri ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen berkata demikian ketika merasmikan projek penarafan Surau Al-Falah yang menelan belanja sejumlah RM19,060 di sini.

Beliau memberitahu bahawa pihaknya turut menyumbang RM10,000 dalam projek penarafan surau tersebut, susulan menerima permohonan berwajib daripada Pengerusi Jawatankuasa Surau Al-Falah, Md. Mustaffa Maidin.

"Sememangnya menjadi amanah dan tanggungjawab saya untuk menjaga, membantu kerja-kerja menaik taraf infrastruktur awam serta kemudahan komuniti di sini.

"Sumbangan ini bukan sahaja meningkatkan infrastruktur awam setempat, bahkan menjadi simbol usaha bersama-sama ADUN dan pemimpin komuniti dalam memartabatkan pembangunan umat Islam," jelasnya dalam majlis berkaitan yang berlangsung pada 20 Disember 2018.

Pada 9 November lalu, Zi Sen dalam soalan bertulis di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ada membangkitkan mengenai jumlah peruntukan yang disalurkan Kerajaan Negeri untuk projek pembangunan surau serta masjid dalam tempoh 10 tahun sejak 2008.

Menjawab soalan itu, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman menyatakan bahawa sejumlah RM20,374,305 peruntukan telahpun disalurkan untuk 765 projek pembangunan surau dan masjid.




**DANIEL Gooi Zi Sen (tiga dari kiri) menyerahkan replika cek sumbangan kepada Jawatankuasa Surau Al-Falah di sini baru-baru ini.**

## Pengecualian duti setem sebagai hadiah tahun baru khas kepada pembeli rumah pertama - Exco

**PANTAI JEREJAK -** Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo menyifatkan kenyataan Menteri Kewangan berhubung pengecualian duti setem kepada pembeli rumah pertama sebagai hadiah tahun baru 2019.

Beliau percaya, langkah tersebut adalah sebagai sebahagian usaha Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan membantu pembeli rumah pertama memiliki rumah.

"Ini (kenyataan) adalah hadiah tahun baru untuk pembeli rumah pertama, bukan sahaja di Malaysia malah di Pulau Pinang juga.

"Malah, langkah ini juga akan merangsang pasaran hartanah perumahan yang agak suram kebelakangan ini" ujarnya kepada pemberita selepas hadir merasmikan majlis penutupan acara berjalan, PEMENANG Fun Walk 2018 yang diadakan dekat Jalan Nibong di sini 30 Disember 2018.

Menurut Jagdeep, selaku Exco berwajib, beliau akan terus berusaha mencari penyelesaian bagi membolehkan rakyat Pulau Pinang memiliki rumah pertama mereka.

Dalam satu kenyataan semalam, Menteri Kewangan sebagai dipetik berkata, seperti diumumkan melalui Belanjawan 2019 lalu, kerajaan Pakatan Harapan telah bersetuju untuk memberikan insentif pengecualian duti setem 100 peratus bagi pembelian rumah pertama.

Pembelian rumah pertama berharga sehingga RM300,000, duti setem dikecualikan bagi surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman dengan perjanjian jual beli perlu diselesaikan dalam tempoh 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2020.

Manakala, rumah berharga RM300,001 hingga RM500,000, duti setem bagi surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman dikecualikan terhad kepada RM300,000 pertama daripada harga rumah tersebut dengan perjanjian jual beli perlu disempurnakan mulai 1 Julai 2019 hingga 31 Disember 2020.

Rumah berharga RM300,001 hingga RM1 juta pula, duti setem ke atas surat cara pindah milik yang dibeli daripada mana-mana pemaju perumahan adalah dikecualikan, bagi perjanjian jual beli yang diselesaikan mulai 1 Januari 2019 hingga 30 Jun 2019.

## Pertandingan Badminton Piala Muhibah erat silaturahim




**WONG Hon Wai, Zairil Khir Johari, ADUN-ADUN setempat, wakil-wakil penganjur dan para peserta bergambar kenangan bersempena penganjuran Pertandingan Badminton Piala Muhibah di sini baru-baru ini.**

**TANJONG BUNGA –** Pertandingan Badminton Piala Muhibah yang julung kali dianjurkan diharap dapat mengeratkan silaturahim dalam kalangan peserta berkaitan.

Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai ketika berucap menyatakan bahawa beliau menyambut baik inisiatif penganjuran tersebut yang dilihat dapat mengeratkan hubungan antara Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), agensi-agensi kerajaan dan rakyat di kawasan Parlimen Bukit Bendera.

"Tahun ini, kita dapat penyertaan daripada lapan pasukan iaitu membabitkan agensi kerajaan dan komuniti setempat, justeru saya cadangkan agar program ini diadakan setiap tahun dengan harapan pada tahun 2019 kita dapat kumpulkan sebanyak 20 pasukan keseluruhannya.

"Dalam pada itu, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pasukan-pasukan yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini, antaranya Kelab Badminton Tanjung Tokong, pasukan dari MPKK, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Balai Bomba dan Penyelamat Bagan Jermal, Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Timur Laut dan lain-lain," ujarnya ketika merasmikan pertandingan tersebut di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga, ADUN Kebun Bunga, Ong Khan Lee; ADUN Pulau Tikus, Chris Lee Chun Kit dan ahli-ahli MPKK setempat.

Program julung kali tersebut dianjurkan Pusat Khidmat Ahli Parlimen Bukit Bendera bersama-sama MPKK Bukit Bendera bertempat di Dewan Orang Ramai Pasar Tanjung Bungah.

Difahamkan, kejohanan tersebut berlangsung menggunakan format tiga regu dengan menawarkan hadiah wang tunai sehingga RM500, trofi berserta pingat.

# Sasar tingkat pembangunan pekerja mahir, penuhi permintaan industri

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



SALAH seorang pelajar sedang menyiapkan tugasan menggunakan peralatan terkini.



PROF. Dr. P. Ramasamy (berkemeja putih) memerhati hasil kerja yang dilakukan oleh salah seorang pelajar ILPAPNT bersempena lawatan beliau di sini baru-baru ini.

**NIBONG TEBAL –** Kerajaan Negeri akan terus memberikan tumpuan terhadap pembangunan modal insan dalam melahirkan tenaga kerja mahir bagi memenuhi permintaan mendesak industri kini.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy berkata, tenaga kerja berkemahiran tinggi amat diperlukan terutama dalam industri pembuatan, perkomputeran dan lain-lain industri kelak.

"Masa hadapan negara termasuk Pulau Pinang bergantung sepenuhnya terhadap bekalan tenaga kerja berkemahiran tinggi tempatan bagi menjamin kecekapan industri dan meningkatkan produktiviti sesuatu industri.

"(Dan) bagi merealisasikannya, pelbagai program dan inisiatif dilakukan Kerajaan Negeri dalam meningkatkan pembangunan pekerja mahir termasuk memberi latihan serta insentif tertentu," ujarnya sejurus mengadakan kunjungan ke Institut Latihan Perindustrian Arumugam Pillai Nibong Tebal (ILPAPNT) dekat Jalan Bukit Panchor di sini baru-baru ini.

Menurut Ramasamy, Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan usahasama dengan mana-mana institut latihan perindustrian di negeri ini dalam memperkasakan bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

"Malah, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) turut bekerjasama dalam membangunkan modal insan berkemahiran tinggi di negeri ini.

"Jadi, saya berharap agar ILPAPNT ini juga dapat memainkan peranannya dalam melahirkan tenaga kerja mahir yang mampu menyumbang ke arah mengadaptasi Revolusi Industri 4.0, automasi, digitalisasi dan sebagainya," katanya yang juga Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Pembangunan Modal Insan dan Sains, Teknologi & Inovasi.

Dalam pada itu, Pengarah ILPAPNT, Azman Ibrahim ketika ditemui berkata, institut berkenaan menawarkan pelbagai kursus latihan perindustrian dan kemahiran termasuk untuk lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Kursus latihan ini akan mempersiapkan pelajar kami (ILPAPNT) dengan kemahiran berkaitan demi mendepani alam pekerjaan termasuk meningkatkan kemahiran sedia ada dan pengalaman.

"Kami (ILPAPNT) menawarkan kursus dengan penginapan di hostel secara percuma, makanan percuma, tiada yuran kursus dan RM100 sebagai elaun pelajar," katanya.

Maklumat lanjut, layari *www.ilpapnt.gov.my*.

# Permohonan TP1M Pulau Pinang, Exco mohon Kementerian teliti semula



JAGDEEP Singh Deo.

**DATUK KERAMAT -** Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo memohon Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) agar meneliti semula permohonan kerja-kerja naik taraf skim perumahan kos rendah (KR) dan kos sederhana rendah (KSR) yang pernah dimohon pihak Kerajaan Negeri sebelum ini.

Jelasnya, daripada 149 permohonan yang dimohon melalui Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1M) dana Kerajaan Pusat terdahulu, cuma 29 projek diluluskan.

"Saya minta kepada Kerajaan Pusat melalui Menteri di KPKT, YB Zuraida Kamaruddin agar peruntukan ini dapat disalurkan kerana di bawah Kerajaan (Pusat) terdahulu, Pulau Pinang telah 'dianaktirikan'.

"Beliau (Zuraida) turut memberikan komitmen bahawa akan memberikan perhatian kepada Pulau Pinang dalam hal ini," ujar Jagdeep ketika melawat projek naik taraf tembok dekat Blok 33, Taman Soon Boon Kee, Jalan Makloom di sini 28 Disember 2018.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) setempat dan badan pengurusan Blok 33.

Sehubungan itu, Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat memberitahu bahawa sejajar dengan komitmen Zuraida, beliau turut mengemukakan permohonan kira-kira RM14 juta bagi meneruskan baki projek yang belum diluluskan.

Sebelum itu, Jagdeep hadir bagi mengumumkan kerja-kerja naik taraf tembok di blok berkaitan.

Menurut beliau, Kerajaan Negeri menampung 60 peratus kos projek iaitu kira-kira RM30,000 melalui peruntukan Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP), manakala baki 40 peratus ditampung penduduk taman tersebut (RM20,000).

"Saya melihat inisiatif menaik taraf tembok ini merupakan perkara penting kerana ianya melibatkan aspek keselamatan penduduk," jelasnya.

Menutup tahun 2018, Jagdeep menyatakan sejak 2013 sehingga Disember 2018, sebanyak 210 permohonan telah diluluskan melalui TPM80PP melibatkan dana Kerajaan Negeri sebanyak RM31.2 juta.

"Antara projek-projek diluluskan termasuk menaik taraf/menggantikan lif, penggantian tangki air/perpaipan, menaik taraf bumbung, pengecatan, penurapan, naik taraf pagar, keretakan, penggantian jeriji dan kelulusan khas bencana," katanya.



# Terap elemen automasi, kembangkan potensi ekonomi rakyat luar bandar



MOHD. Zaki Osman (kiri sekali) sekeluarga bergambar di luar rumah baru mereka.



DR. Afif Bahardin (berkemeja putih) beramah-mesra dengan kanak-kanak yang mengikuti kelas komputer khas yang diadakan.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PINANG TUNGGAL** - Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang bagi tahun 2018 sahaja berbelanja lebih RM3.3 juta untuk memperbesar saiz ekonomi rakyat luar bandar meliputi kelima-lima daerah di negeri ini

Mengulas lanjut, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin memberitahu bahawa untuk Daerah Seberang Perai Utara (SPU) sahaja, adalah membabitkan perbelanjaan kira-kira RM461,383.

Justeru, beliau pada tahun hadapan berhasrat menerapkan lebih banyak lagi elemen automasi dalam sektor industri asas tani di kawasan luar bandar, sekaligus menyumbang kepada peluang pekerjaan untuk penduduk setempat.

"(Dengan *deficit spending* oleh Kerajaan Negeri), kita nak masyarakat di sini (kawasan luar bandar) juga mendapat manfaat dalam pembangunan pesat (Revolusi) Perindustrian 4.0.

"Dalam industri asas tani ini, akan saya berusaha memasukkan elemen automasi iaitu aktiviti pengeluaran produk secara automatik atau separa automatik, menggunakan jentera dan mesin.

"Kalau dasar ini dapat dilaksanakan, saya berasa tidak ada lagi keperluan untuk masyarakat di sini (pinggir bandar dan luar bandar) berhijrah ke bandar untuk mencari rezeki.

"Tapi, di sini sendiri mereka boleh mencari rezeki dan membina persekitaran hidup berkeluarga ke tahap yang lebih berkualiti," katanya dalam Program Jelajah Desa Keenam Tahun 2018 di Pejabat Penghulu Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pinang Tunggal di sini 21 Disember 2018.

Turut berucap, Ustaz Muhasdey Muhamad iaitu Pegawai Khas kepada Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.

Hadir sama, Penolong Pegawai Pertanian Daerah SPU, Abdul Rani Hassan.

Bercakap pada sidang media selepas itu, Afif menyatakan bahawa sejumlah RM66,340 telah dibelanjakan pada tahun ini (2018) dalam bentuk pemberian 'peralatan sokongan' kepada 34 penerima demi meningkatkan lagi pengeluaran masing-masing.

Itu, tambah beliau, tidak termasuk perbelanjaan Kerajaan Negeri bagi membina sembilan unit rumah yang diperlukan oleh rakyat terpilih dengan peruntukan keseluruhan RM365,040.

"Melalui program Jelajah Desa yang kita adakan tiap-tiap tahun, Kerajaan Negeri membeli peralatan yang dimohon oleh penggerak industri desa; sembilan unit rumah dengan nilai maksimum seunit RM42,000 telah siap dibina.

"Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah (SPU) pada tahun 2018 turut membaiki lapan unit rumah (terpilih) dengan kos maksimum RM15,000 untuk sebuah rumah, dan perbelanjaan keseluruhan baik pulih rumah pada tahun ini (2018) adalah sejumlah RM60,000," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Sebelum itu, rombongan Jelajah Desa Afif dengan diiringi Pegawai Penyelaras KADUN Sungai Dua, Datuk Jasmin Mohamed melawat kawasan industri desa serta keluarga-keluarga 'terpilih' yang mendapat bantuan rumah siap dibina atau projek baik pulih unit kediaman mereka.

**ANA DIN**, 45 tahun, serta suami, **MOHD. ZAKI OSMAN**, 49 tahun, merupakan antara sembilan penerima rumah siap dibina.

Bercakap kepada pemberita, masing-masing menzahirkan penghargaan atas inisiatif Kerajaan Negeri dalam meningkatkan mutu hidup golongan terpilih di kawasan luar bandar SPU.

"Rumah asal kami rosak teruk akibat bencana banjir besar yang terjadi pada bulan November 2017, lalu kami membuat permohonan sebab tak ada tempat tinggal yang elok.

"Alhamdulillah, saya, suami dan lima anak (antara umur enam hingga 22 tahun) mula tinggal di rumah baru ini kira-kira enam bulan lalu," jelasnya sambil merakamkan penghargaan kepada anggota Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) setempat serta pegawai di Pejabat Daerah yang banyak membantu dalam proses memohon bantuan rumah.

Rombongan Jelajah Desa dalam pada itu turut melawat 'rumah baru' seorang ibu tunggal, **NORIZAN ISMAIL**, 61.

"Saya uzur, bantuan sara hidup bulanan adalah RM300.

"Dengan pemberian rumah ini, memang memberi kegembiraan untuk saya sendiri dan tiga anak-anak... Alhamdulillah," katanya sambil merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri hari ini.

Selepas itu, rombongan dibawa melawat industri desa dalam bidang pengeluaran kerepek tradisional di Kampung Guar Petai dalam Parlimen Tasek Gelugor.



NORIZAN Ismail.

Pengusaha, yang mahu dikenali sebagai **'MURNI'**, berusia 40-an dan suami, **AYOB YUSSOF** memberitahu bahawa inisiatif Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan dalam bentuk pemberian mesin jentera adalah sistem sokongan yang sangat membantu industri desa untuk terus berkembang maju.

"Apabila Kerajaan Negeri menyediakan 'program sokongan' melalui (program) Jelajah Desa, dengan melawat dan kenal pasti apakah sebenarnya industri desa perlukan untuk terus mengembangkan potensi ekonomi luar bandar, ertinya tujuan Kerajaan Negeri belanja banyak dalam ekonomi memang untuk membantu industri desa berkembang lagi.

"Pada masa hadapan, diharapkan Kerajaan Negeri turut menyediakan 'program sokongan' berantai yang lain, seperti membantu industri desa memasarkan produk pengeluaran mereka.

"Di kawasan luar bandar, kami (pengusaha industi kecil dan sederhana, SME) wujud dan menyediakan peluang pekerjaan kepada anak jati tempatan, maka, eloklah Kerajaan Negeri pula mengambil bahagian untuk mengembangkan kegiatan ekonomi luar bandar dengan membantu pemasaran produk tempatan kami ke luar negeri" ujarnya sambil merakamkan penghargaan kepada rombongan Afif.

Menurut beliau, paling penting bagi Kerajaan Negeri dalam berbelanja adalah memastikan kitaran ekonomi 'sihat', pengeluaran industri desa dapat dipasarkan, usahawan serta pekerja ada pendapatan untuk terus hidup di kawasan luar bandar yang jauh daripada kawasan zon perindustrian berkapasiti tinggi.

Di sini juga, rombongan Jelajah Desa Afif turut dibawa melawat kilang keropok milik usahawan wanita, **BASITAH SULAIMAN**.

"Sudah 15 tahun sebenarnya saya membuat perusahaan keropok di kawasan luar bandar ini, cuma tempat ini mula dibuka sejak dua tahun lalu.

"Perusahaan luar bandar memang memerlukan banyak lagi 'program sokongan' daripada pihak Kerajaan Negeri dan agensi-agensi Persekutuan lain, dalam bentuk modal pinjaman tanpa riba atau latihan pemasaran produk secara lebih komersial.

"Satu lagi, eloklah program mikro kredit seperti PTSR (Projek Titian Saksama Rakyat, kini dikenali sebagai Skim Pinjaman Harapan, SPH) diteruskan oleh Kerajaan Negeri, sebab program itu diwujudkan sebagai sokongan kepada penduduk luar bandar untuk terus melaksanakan aktiviti ekonomi setempat.

*(Bersambung di muka 11).*

# Cadangan kenaikan elaun atlet dibentang

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gmbar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN –** Kertas cadangan berkaitan kenaikan elaun untuk para atlet dibentangkan dalam Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri baru-baru ini sebagai inisiatif khas dalam meningkatkan kebajikan golongan berkaitan.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berkata, langkah tersebut adalah ekoran kadar elaun semasa berjumlah RM100 bagi atlet biasa dan atlet elit (RM600) yang tidak pernah dikaji sejak tahun 2000.

"Saya percaya ramai atlet kita (Pulau Pinang) 'miskin', dan sekiranya kita mahu mereka berlatih dengan lebih gigih maka jumlah elaun adalah perlu ditingkatkan.

"Walaupun terdapat kerjasama antara Kerajaan Negeri dengan pihak swasta untuk menawarkan pekerjaan kepada atlet selepas mereka menamatkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), tetapi kita harus memahami bahawa ada dalam kalangan atlet masih lagi bersekolah.

"Justeru, saya berpendapat bahawa kenaikan elaun untuk para atlet adalah sangat diperlukan," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Frederick Tan Teck An; Timbalan Presiden Persatuan Muaythai Pulau Pinang, Kenny Ng dan Setiausaha Kehormat Persatuan Muaythai Pulau Pinang, Eric Cheah.

Pada sidang media sama, Lip Chee turut menyerahkan bayaran insurans di bawah Skim Kebajikan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) kepada bekas atlet Muaythai, Allahyarham Izzarul Azimullah Abdul Rahman yang meninggal dunia dalam kemalangan jalan raya dekat Batu Kawan, Seberang Perai Selatan (SPS) pada 24 Jun 2018.

Bayaran berjumlah RM50,000 diserahkan kepada Abdul Rahman Abdul Aziz, 52, ayah kepada arwah Izzarul Azimullah.




**SOON Lip Chee (empat dari kanan) berjabat tangan sambil menyerahkan replika cek kepada Abdul Rahman Abdul Aziz pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

Mengulas lanjut, Lip Chee menyatakan bahawa arwah Izzarul Azimullah yang tidak berpeluang bertanding dalam temasya Sukan Malaysia (SUKMA) Perak pada September 2018 merupakan prospek pingat bagi Pulau Pinang.

"Malah, pada April 2018, beliau berjaya merangkul pingat di Kejohanan Muaythai Tertutup Antara Kelab dan Sekolah Peringkat Kebangsaan dan Kejohanan Fighting Challenge di Permatang Pauh.

"Malah, beliau juga memenangi pelbagai kejohanan di peringkat sekolah, kebangsaan dan kejohanan terbuka sepanjang tahun 2017," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal.

Dalam pada itu, Abdul Rahman ketika ditemui Buletin Mutiara menzahirkan ucapan penghargaan kepada Kerajaan Negeri dan MSNPP atas keprihatinan tersebut.

## Komited sedia kemudahan lengkap demi golongan OKU

**AIR ITAM –** Seramai 20 penghuni dari St. Nicholas Home Pulau Pinang menyertai lawatan ke *The Habitat* dekat Bukit Bendera, di sini anjuran *The Habitat Penang Hill* dan *The Habitat Foundation* baru-baru ini.

Lawatan tersebut bertujuan memberi pengalaman kepada para peserta menikmati keindahan alam semula jadi dengan cara istimewa yang mana mereka dapat menghayati keajaiban alam walaupun tanpa keupayaan untuk melihat.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Joseph Ng Soon Siang menegaskan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam usaha menyediakan kemudahan yang lengkap kepada orang kurang upaya (OKU) di negeri ini.

Katanya, perkara itu adalah perlu bagi mewujudkan sebuah komuniti serta masyarakat yang bersifat inklusif tanpa mengetepikan golongan kurang upaya fizikal khususnya.

"Kami (Kerajaan Negeri) sentiasa menyediakan kemudahan untuk golongan OKU lebih-lebih lagi di kawasan pelancongan dalam usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang lebih baik pada masa hadapan.

"Justeru, saya mengucapkan terima kasih kepada *The Habitat* kerana menjayakan program lawatan ini," katanya semasa mengiringi lawatan para penghuni berkenaan.

Turut hadir, Pengarah Urusan The Habitat, Allen Tan; Pengurus Besar The Habitat, Justine Vaz serta Pengarah Eksekutif St. Nicholas Home Penang, Daniel Soon.



**JOSEPH Ng Soon Siang (berkemeja putih) tidak melepaskan peluang berswafoto bersama-sama barisan pengiring dan para penghuni St. Nicholas Home Pulau Pinang pada sesi lawatan khas ke *The Habitat* di sini baru-baru ini.**



# Masjid diseru bangunkan koperasi kariah

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**BATU MAUNG –** Setiap masjid di negeri ini diseru untuk membangunkan koperasinya sendiri dalam usaha ke arah pemantapan ummah, ekonomi, sosial dan budaya umat Islam.

Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain berkata, daripada 207 masjid di Pulau Pinang, hanya 36 masjid sahaja mempunyai koperasi berdaftar iaitu bersamaan 17 peratus.

"Ekonomi orang Islam dapat dipertingkatkan jika ia digembleng dengan cara yang betul, dan masjid boleh memainkan peranan sebagai lokasi ideal menemukan peniaga serta pelanggan.

"Malah. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) juga memberikan penekanan serius dalam pembangunan koperasi kariah iaitu dengan terbitnya Pelan Strategik Pembangunan Koperasi Kariah Masjid sebagai panduan.

"Hal ini kerana, koperasi kariah adalah berasaskan komuniti yang ditubuhkan untuk mengekalkan ukhwah melalui penglibatan dalam pelbagai bidang ekonomi yang mempunyai rantaian nilai dan yang pastinya berimpak tinggi.

"Justeru, sekiranya berjaya ia secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan sosio-ekonomi komuniti setempat dan seterusnya menjadi penyumbang berkesan kepada ekonomi negara," ujarnya yang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung pada Majlis Perasmian Pasar Co-op V2 Hari Koperasi Kariah Bersama Komuniti di sini 25 Disember 2018.

Hadir sama, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Pulau Pinang, Zakaria Mat Jusoh, Zainuddin Hanif (Pengerusi Masjid dan Koperasi Masjid Al-Huda, Sungai Ara) dan pendakwah selebriti, Imam Muda Asyraf.

Dalam pada itu, Zakaria memberitahu bahawa Pasar Co-op V2 Pulau Pinang diharap memperoleh sambutan menggalakkan daripada masyarakat setempat dan menjadi pendorong kepada lebih banyak koperasi menyertai ia pada masa hadapan selain sebagai platform untuk masyarakat setempat membeli barangan keperluan pada harga lebih murah.

"Pada sudut impak ekonomi, perolehan pendapatan koperasi kariah masjid dapat ditingkatkan dengan bertambahnya bilangan koperasi masjid yang menjalankan aktiviti perniagaan berlandaskan prinsip halalan toyyiban.

"Dengan wujudnya koperasi di masjid-masjid juga, maka lebih banyak peluang pekerjaan serta perniagaan dapat disediakan kepada komuniti di samping mewujudkan peluang keusahawanan kepada komuniti terutamanya golongan B40," jelas beliau.



**ABDUL Halim Hussain (berkemeja putih) membeli beberapa barangan daripada salah seorang pempamer bersempena penganjuran Pasar Co-op V2 Hari Koperasi Kariah Bersama Komuniti di sini baru-baru ini.**

*(Sambungan dari muka 9).*

# Ingin masyarakat luar bandar turut peroleh manfaat Revolusi Industri 4.0



**BEBERAPA kakitangan sedang menyediakan keropok lekor di kilang milik usahawan wanita Basitah Sulaiman.**

"Contoh mereka yang perlu SPH ini adalah ibu tunggal yang memilih untuk bekerja dari rumah berbanding keluarga kerja di kilang, atas sebab menjaga anak dan keluarga," jelasnya sambil memuji inisiatif Kerajaan Negeri dalam membantu golongan berkaitan di negeri ini.

Mengulas lanjut, Afif berkata, rombongan Jelajah Desa yang masuk tahun keenam berkaitan adalah begitu istimewa kerana ia turut disertai oleh agensi-agensi Persekutuan.

"Selepas perubahan politik (melalui Pilihan Raya Umum Ke-14, PRU14) pada 9 Mei 2018, agensi-agensi Persekutuan juga turut menyertai Jelajah Desa ini, pelbagai program latihan dan skim pinjaman turut mereka kongsi dengan penduduk di kawasan pinggir bandar dan luar bandar," ujarnya.



**PENGELUARAN kerepek tradisional di Kampung Guar Petai.**

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 313 3990 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 8133 509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Dato' Saifuddin Nasution | (T) |
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | (T) |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>Md. Khalil Salleh<br>novafast63@gmail.com | (T) 012 - 598 4881 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Dato' Jasmin Mohamad<br>jmmohamed002@gmail.com | (T) 018 - 468 6610 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Yusri Isahak<br>ysrregnot@gmail.com | (T) 019 - 337 4055 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## Kalendar Pelancongan




21hb Januari 2019
***Hari Thaipusam***

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390 |
| A'ziss Zainal Abiddin | 017 - 938 9192 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 012 - 507 2229 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Johnson a/l Anthonysamy | 012 - 424 5745 |
| Kang Yau Chuang | 010 - 829 3904 |
| Khong Chee Seong | 011 - 1522 6628 |
| Kumaran A/L Krishnan | 012 - 464 4697 |
| Marshidaliza Marzuki | 011 - 3929 9023 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Mohamad Akmal Azhar | 019 - 518 5145 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tengku Rasidah Tengku Kamarudin | 019 - 473 1323 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Yeap Choon Keong | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 013 - 449 0366 |
| 2. | Velan A/L Kalimuthu | Barat Daya | | 018 - 394 4537 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | | 019 - 457 2271 |
| 5. | Vadi Velan A/L Subramaniam | Seberang Perai Selatan | | 011 - 1144 1816 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Aidi Akhbal Mohamed Zainon | 012 - 464 3004 |
| Azahari Aris | 016 - 499 2580 |
| Azli Ibrahim | 011 - 2432 9007 |
| Dr. Chee Heng Leng | 017 - 333 9366 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gerald Mak Mun Keong | 016 - 452 6499 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Latifah Hussainsa | 013 - 436 1999 |
| Nurliyana Mohd Ramzi | 011 - 3922 4080 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Kean Peng | 012 - 629 1133 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Saiful Azwan Abd. Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Vino Dini a/p Chandragason Pitchy | 016 - 439 9358 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



Layari
www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# Jelajah Desa, ketahui keperluan masyarakat desa demi tingkat taraf hidup

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**




DR. Afif Bahardin (berkemeja putih) bergambar kenangan bersama-sama jawatankuasa penganjur program Jelajah Desa 2018 Peringkat Daerah SPT di sini baru-baru ini.

**SEBERANG JAYA** - Melalui Program Jelajah Desa 2018 di bawah seliaan MMK Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, ianya diharap dapat mengeratkan lagi hubungan antara agensi-agensi kerajaan dengan rakyat di negeri ini.

Afif dalam ucapan pada majlis penutupan program berkaitan berkata, Jelajah Desa adalah cara untuk beliau membuat pemantauan di lapangan berhubung tahap serta mutu kerja yang telah dilaksanakan pegawai mahupun agensi pelaksana bertanggungjawab.

"Saya turun padang supaya dapat bermuhasabah sambil mengetahui keperluan masyarakat desa dan seterusnya membantu golongan sasar meningkatkan taraf hidup masing-masing melalui peluang serta bantuan daripada pihak kerajaan.

"Contohnya, kita pergi tengok rumah sudah uzur, kita bantu, kita siapkan kelengkapan untuk usahawan berniaga kerana kita ingin dan beri kesaksamaan kepada rakyat," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya bersempena program Jelajah Desa 2018 Peringkat Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dekat Kampung Padang Tembusu, Permatang Pauh di sini baru-baru ini.



RUPA bentuk sayur fucuk yang dihasilkan.

Hadir sama, ADUN Penanti, Dr. Norlela Ariffin, pegawai-pegawai dari agensi Negeri dan Persekutuan serta ahli-ahli Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) setempat.

Program yang bermula seawal jam 9 pagi tersebut dimulakan dengan lawatan ke Kampung Pertama bagi menyerahkan Bantuan Projek Baiki Rumah kepada Maruhan Mohamed Ghazali sebelum ke sebuah projek di bawah kelolaan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri di Kampung Besar.

Delegasi turut melawat industri pembuatan sayur fucuk tradisi di Kubang Semang; meninjau aktiviti kelas sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) di Bukit Indera Muda serta Pusat Giat MARA Permatang Pauh.

Di Pusat Giat MARA, Afif diberi peluang menunjukkan kemahiran menebar roti canai dan memasak spageti, disusuli lawatan ke bengkel automotif dan elektrik.

Program penutup dan jamuan rakyat yang berlangsung di Padang Tembusu turut membeli peluang kepada Afif untuk beramah-mesra dengan masyarakat setempat sambil menyampaikan bantuan keperluan kepada golongan kurang berkemampuan terpilih.

Dalam pada itu, Maruhan Mohamed ketika ditemui menzahirkan rasa syukur berikutan permohonan beliau untuk membaiki bumbung rosak diluluskan.

"Alhamdulillah, bantuan untuk baiki kerosakan pada bumbung dapat kelulusan daripada Pejabat Daerah (SPT), boleh nak rasa selesalah dari panas dan hujan, terima kasih kepada semua yang terlibat juga," ujar beliau sambil mengukir senyuman kegembiraan.



DR. Afif Bahardin menunjukkan kemahiran menebar roti canai di Pusat Giat MARA Permatang Pauh.



SEBAHAGIAN pelajar yang terlibat dalam aktiviti STEM.



AKTIVITI yang dijalankan di dalam kelas STEM.

# Terapi Rimba Pulau Aman, produk pelancongan terbaru Seberang Perai

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MPSP**



PEMANDANGAN Pulau Aman yang dirakam dari bot.

**BUKIT TAMBUN -** Lebih 50 peserta menyertai acara terapi rimba anjuran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dekat Pulau Aman di sini 15 Disember lalu.

Cukup meriah dan sangat berbaloi!

Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod memberitahu bahawa penganjuran acara itu adalah selari dengan Strategi Gaya Hidup Sihat yang digariskan dalam Pelan Strategik Seberang Perai 2018 - 2020.

"Terapi rimba ataupun *'forest bathing'* ini mungkin baru di tanah air ini, asal namanya Shinrin-Yoku.

"Shinrin-Yoku ini adalah cara masyarakat di Jepun melaksanakan terapi minda dengan berjalan-jalan dalam hutan sambil menikmati dan menghargai keindahan alam semulajadi.

"Penganjuran ini adalah acara *'forest bathing'* terakhir, sebagai penutup tirai bagi acara seumpama itu pada tahun 2018," katanya di Jeti Batu Musang sebelum menaiki bot ke Pulau Aman.

Di sini, Rosnani dan para peserta terapi rimba disambut oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik.

Rosnani menyatakan bahawa acara terapi rimba berkaitan mula dilaksanakan pada era pentadbiran Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud sejak dua tahun lepas.

"Kali pertama acara terapi rimba ini dianjurkan oleh MPSP adalah pada 23 September 2017 di Hutan Simpan Bukit Juru, yang dirasmi oleh bekas Ketua Menteri Pulau Pinang yang kini merupakan Menteri Kewangan.

"Setakat ini, ada enam lokasi yang dikenal pasti di Seberang Perai, dan MPSP agresif mempromosi tempat-tempat ini untuk acara terapi rimba (iaitu) di Hutan Simpan Bukit Juru sendiri, Taman Rekreasi Bukit D.O, Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam, Taman Negeri Bukit Panchor, Hutan Lipur Cherok Tok Kun dan Pulau Aman.

"Di Pulau Pinang, memang ada fasiliti awam seperti laluan pejalan kaki untuk pengunjung menjalankan aktiviti terapi rimba, melawat kawasan-kawasan bersejarah dan kawasan pelancongan makanan, juga mencerap bunyi hutan dan kicauan burung," jelasnya.

Selain terapi rimba, MPSP dengan kolaborasi komuniti setempat turut menganjurkan acara zumba dan senamrobik.

Difahamkan, Pulau Aman bukan sahaja sangat sesuai untuk aktiviti terapi rimba, bahkan di sini juga merupakan lokasi persinggahan burung-burung migrasi dari Hemisfera Utara dan Hemisfera Selatan.

"Antara burung migrasi yang boleh ditemui di Pulau Aman adalah *'Great Egret'* atau burung Bangau Besar.

"Padanlah Pulau Aman sehingga kini terus menjadi antara tumpuan pelancongan asing serta pengunjung tempatan, yang meminati aktiviti mencerap burung.

"Di Pulau Aman, pencerap burung, kalau bertuah, boleh menemukan pelbagai spesis seperti Burung Pekaka Udang Emas, Burung Pekaka Bakau, Punai Topeng Hijau, Burung Tiong Batu, Helang Siput, Helang Merah, Burung Kelicap, Kelicap Mayang Kelapa, Perenjak-Pisang Kelabu dan Sambar Biru," jelas salah seorang pemandu acara terapi rimba di sini.

Menurut beliau, peserta terapi rimba di Pulau Aman juga berpeluang melawat ke tempat bersejarah seperti Telaga Emas, aktiviti memancing, berkhemah, mengutip kepah, menikmati mee udang galah dan inap desa.

Pulau Aman seluas 728,434 meter persegi dengan kepadatan penduduk kira-kira 300 penduduk yang hidup dengan aktiviti nelayan bakal menjadi satu lagi produk pelancongan Seberang Perai terutama untuk acara terapi rimba.



GOH Choon Aik (empat dari kanan) dan Ir. Rosnani Mahmod (tiga dari kanan) memerhatikan perusahaan ikan masin yang dijalankan salah seorang penduduk bersempena penganjuran program Terapi Rimba MPSP di sini baru-baru ini.



PARA peserta mengadakan lawatan ke salah satu lokasi utama, Telaga Emas.



KANAK-kanak memungut hasil laut berhampiran pantai Pulau Aman.



AKSI sebahagian peserta.



PARA pencerap burung yang mengambil bahagian.

# Kerajaan Negeri mampu bantu golongan muda bergelar usahawan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**EXCO** Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin menyeru pihak-pihak berkepentingan terlibat supaya menyegerakan pengeluaran sijil layak menduduki (CF) kepada Kolej Kemahiran Tinggi MARA, Balik Pulau.

"Saya telah aturkan satu mesyuarat untuk menyelesaikan masalah ini pada kadar segera sebelum ini kerana KKTM mampu menempatkan 1,200 pelajar, tetapi buat masa kini, pihak berkaitan hanya mampu membawa masuk 400 pelajar ekoran kegagalan mendapatkan CF untuk asrama yang berada di dalam kawasan kolej.

"Diharapkan masalah ini dapat diselesaikan dengan segera supaya hak anak-anak muda terutamanya Bumiputera tidak dinafikan untuk mereka masuk dan belajar di KKTM," katanya pada sidang media sejurus tamat Program Jelajah Desa 2018 Peringkat Daerah Barat Daya (DBD) di Balik Pulau baru-baru ini.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohamad Tuah Ismail; ADUN Teluk Bahang, Zolkifly Md. Lazim; Pegawai Daerah dan Tanah bagi Daerah Barat Daya (DBD), Mohd. Hafiz Aswad Nadzri dan pemimpin serta komuniti setempat.

Sebelum itu, pada sesi jelajah desa berkaitan, Afif meluangkan masa melawat tujuh lokasi bermula di premis gunting rambut Sharizal Hakeb yang menerima bantuan perniagaan daripada Pejabat Daerah DBD.

Lawatan kemudian diteruskan lagi ke premis *Delicious Cafe*, Teluk Kumbar yang menerima bantuan peralatan daripada Jabatan Pertanian Pulau Pinang.

Seterusnya ke KKTM, lawatan tapak Bantuan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT); Giat MARA Balik Pulau sebelum Majlis Perasmian Penutupan Program Jelajah Desa 2018 DBD berserta kenduri rakyat yang diadakan di Sekolah Kebangsaan Kongsi.

Bagi perancangan tahun 2019, Afif menyatakan bahawa sebanyak sembilan rumah akan dibaik pulih, manakala tiga lagi dibina baharu. Malah, RM41,000 telah diperuntukan pada tahun 2018 untuk disalurkan kepada 24 usahawan kecil.

"Melalui bantuan kepada usahawan kecil, kita (Kerajaan Negeri) harap taraf hidup mereka dapat ditingkatkan. Sebagai tambahan, usahawan-usahawan juga boleh menggunakan platform media sosial sebagai medium mempromosikan produk masing-masing dalam skala yang lebih luas.

"Di pihak Kerajaan Negeri, sebagaimana umum telah maklum, kita (Kerajaan Negeri) sediakan Skim Pinjaman Harapan (SPH) (dahulu dikenali Projek Titian Saksama Rakyat, PTSR) yang menawarkan pinjaman tanpa faedah untuk kali pertama," jelasnya.

Bagi pengusaha kedai gunting rambut Sharizal, projek inisiatif khas ekonomi yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri mampu membantu golongan muda bergelar usahawan.

"Saya sudah bergiat dalam industri gunting rambut ini dah 10 tahun, dengan bantuan peralatan yang diterima diharap dapat memajukan lagi perkhidmatan saya.

"Sebagai perancangan masa depan, saya bercadang untuk membuka satu lagi cawangan bagi membantu individu yang berminat memajukan kerjaya dalam bidang gunting rambut," ujarnya.

Pemilik *Delicious Cafe*, Mat Jamil Saad menyifatkan bantuan *Vacuum Sealing Machine Mixer Machine* oleh Jabatan Pertanian bernilai RM9,000 adalah sangat membantu dalam mengembangkan perniagaan beliau yang tiga tahun.

"Memang sangat-sangat membantu sebab ia membantu proses penyedian kuah lebih cepat, kuah pun tidak hangit melalui sistem *double boiling*.

"25 kilogram kacang boleh diproses atau bersamaan untuk penyediaan kira-kira 8,000 cucuk sate," kata pemilik berasal dari Kedah yang sudah bermastautin di Pulau Pinang selama 30 tahun berkenaan.



**DR. Afif Bahardin (tiga dari kanan) teruja melihat kemahiran salah seorang pelatih Giat MARA yang sedang menyiapkan jamuan sushi.**



**KEADAAN rumah Zarina Yusof yang masih dalam pembinaan.**



**MESIN mengadaptasikan kaedah *double boiling* yang lebih memudahkan proses penyediaan kuah sate Mat Jamil Saad.**

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453
Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 9776
Peminjam : SITI SABRINA BINTI ABDUL HAMID - 83080707****
BLOK S-17 RUMAH TRANSIT UDA TANJONG TOKONG 10470 TANJONG TOKONG, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHD ARIS BIN OTHMAN - 58021907****
208-A JELUTONG TIMUR 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : YAHAYA BIN HASHIM - 66010207****
16 JALAN MAQBUL, SUNGAI PINANG 10150 PULAU PINANG

No Akaun : 9804
Peminjam : NUR HIDAYAH BINTI AZEMI - 80012107****
AE-2-8 TAMAN TUN SARDON, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : WAN SHAHROM BINTI PAWANTEH - 67040807****
AQ-1-1 TAMAN TUN SARDON, JALAN HILIR PEMANCAR, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : IRWAN BIN ABDULLAH - 80060107****
AE-2-8 TAMAN TUN SARDON 11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 9809
Peminjam : AFIFUDDIN BIN MD ISHAK - 85120407****
17 LORONG BERTAM INDAH 4/8, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MD ISHAK BIN OMAR - 48070307****
NO.17 LORONG BERTAM INDAH 4/8, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : IZUDDIN BIN MD ISHAK - 76121708****
NO. 77 LORONG SYAHBANDAR 8, BERTAM PERDANA 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 9824
Peminjam : NOOR WAHIDA BINTI SAMAT - 82112207****
6292 PERMATANG KERIANG 13110 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : NORISYAH BINTI SAMAT - 73031607****
21 LORONG PENAGA 5, TAMAN PENAGA 13110 PENAGA, SPU
Penjamin 2 : NORELA BINTI SAMAT - 79091107****
6292 PERMATANG KERIANG 13110 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 9825
Peminjam : MOHD IKHWAN BIN MOHAMMAD SALEH - 85021407****
NO.16 TAMAN SEROJA 2, JALAN BUKIT MERTAJAM 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 1 : ZAITON BINTI SULAIMAN - 57120702****
16 TAMAN SEROJA 2, JALAN BUKIT MERTAJAM 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : ZAMRI BIN SULAIMAN - 73050402****
29 LORONG PAUH JAYA 5/2, TAMAN PAUH JAYA 13500 PERMATANG PAUH

No Akaun : 9841
Peminjam : MUNIESWARAN A/L KRISHNA KUMAR - 82030807****
52-1-5 TAMAN KOPERASI , JELUTONG, JALAN KURAU 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : KRISHNA KUMAR A/L THIAGARAJAN - 51021802****
52-1-5 TAMAN KOPERASI JELUTONG, JALAN KURAU 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SHANMUGAM A/L SUBBIAH - 51050407****
NO. 45-S LORONG 4, JALAN CHOR SIN KHENG, 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 9847
Peminjam : LOO BEE BEE - 84072807****
24 LORONG BELIBIS 32, TAMAN TANGLING JAYA 14100 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : LOO SIN KEONG - 76100307****
144 KAMPUNG KHEK KLIAN INTAN 33200 PENGKALAN HULU, PERAK
Penjamin 2 : NG YIAN TING - 81050808****
47 LORONG SERI TAMBUN 1, TAMAN SERI TAMBUN 14100 SIMPANG AMPAT, SPS

No Akaun : 9855
Peminjam : PURVENDRAN A/L RAMALINGAM - 81090814****
BLOK C-1-21 VISTA PERDANA, TAMAN BAGAN JERMAL 12200 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : RAMALINGAM A/L OR VELAISAMY - 52092407****
BLOK C-1-21 VISTA PERDANA, TAMAN BAGAN JERMAL 12200 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : NAGENDRAN A/L RAMALINGAM - 79111714****
19 LORONG VILLA MUTIARA 3, VILLA MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT, SPS

No Akaun : 9861
Peminjam : SAMUNDESWARY A/P SUPPIAH - 70120307****
BLOK F 14-9, RIFLE RANGE FLATS, 11400
Penjamin 1 : SATHIASELAN A/L SUPPIAH - 74062408****
123 JALAN 3/23, TAMAN BANGI 3 , SEC 3 TAMBAHAN,BANDAR BARU BANGI 43650 SELANGOR
Penjamin 2 : THANAVENTHRAN A/L NADARAJAH - 62090407****
NO.57 TAMAN SIAKAP, SEBERANG JAYA 13600 PERAI

No Akaun : 9864
Peminjam : SITI ZARINAH BINTI ABU BAKAR - 80011207****
NO. 4 SOLOK NIPAH 2, TAMAN HAJI MOHD AMIN 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : SHAHRUL NAZRI BIN ABU BAKAR - 75031307****
NO. 1483 BAGAN DALAM, 12100 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : ROSLIZA BINTI MOHD SHARIFF - 80010207****
NO. 1483 BAGAN DALAM 12100 BUTTERWORTH

No Akaun : 9865
Peminjam : YEOH KEAN HAAW - 84041207****
1C-07-09 LORONG SEMARAK API 2, FARLIM, AYER ITAM 11400 PULAU PINANG
Penjamin 1 : YEOH TEONG HUAT - 54042707****
1C-07-09 LORONG SEMARAK API 2, 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHOONG SIEW HONG - 55121507****
1C-07-09 LORONG SEMARAK API 2, 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 9878
Peminjam : PANG CHIEW LING - 81040307****
310-E WEST JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : SOW PICK HONG - 76120107****
NO. 310-E WEST JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ONG POH IM - 70091107****
48-7-12A TAMAN SERI HIJAU, JALAN VAN PRAAGH 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 9896
Peminjam : GEE WEI LING - 83102107****
83-A BRICK KILN, GEORGETOWN 10300 PULAU PINANG
Penjamin 1 : SOO LAI FUNG - 56102907****
21-4-15 TAMAN LONE PINE 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : TEOH KHOO JOO - 56080807****
NO. 19 LORONG TANJUNG 5, TAMAN MUTIARA TANJUNG 14110 SIMPANG AMPAT, SPS

No Akaun : 9897
Peminjam : SOON KIM LAI - 82051207****
21-4-15 TAMAN LONE PINE, LEBUHRAYA THIEN TEIK 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 1 : SOO LAI HENG - 50111607****
NO.17 LORONG NIPAH 4, TAMAN LIP SIN, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : KHAW KEAN HIN - 65072007****
NO. 93 LORONG BLM 5/1, BANDAR LAGUNA MERBOK 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 9906
Peminjam : MOHD RIZAL BIN ABD HAMID - 72070307****
NO. 12 JALAN ILMU 3, TAMAN ILMU 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : NOORAZYANY BINTI YAHAYA - 73042102****
NO. 12 JALAN ILMU 3, TAMAN ILMU 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : SHUHAIMI BIN ABD HAMID - 69071407****
NO. 6 JALAN PUTERA 1, TAMAN PUTERA, PARIT BUNTAR 34200 PERAK

No Akaun : 9912
Peminjam : NG GUEK LUAN - 82013007****
NO. 30 PERSIARAN KOTA PERMAI 3, TAMAN KOTA PERMAI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : KHAW HOCK SOON - 79122507****
NO. 7 LORONG TANJUNG AMAN 12, TAMAN TANJUNG AMAN 12300 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : LEAN SIN HOOI - 64082507****
NO. 19 LINTANG KOTA PERMAI 11, TAMAN KOTA PERMAI 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 9922
Peminjam : LIM CHONG LEONG - 84012507****
75-12-25 JALAN PENAWAR 1, SRI WANGSA 1, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOEY FOONG HAR - 78071207****
7D-8-14 , JALAN LEBUHRAYA THEAN TEIK 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : YEAP HOOI KUAN - 76051307****
362-12-7 GAT MACALLUM STREET 10300 PULAU PINANG

No Akaun : 9931
Peminjam : LOO CHUNG PHENG - 81120707****
5582 TINGKAT BERTAM 2, 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : LOO CHAN HORNG - 75100607****
5582 TINGKAT BERTAM DUA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : FAM WHAI YEN - 76100313****
LOT 139 NO.42 LORONG 3, JALAN KROKOP, TAMAN HOOVER 98000 MIRI, SARAWAK

No Akaun : 9932
Peminjam : AZRUL IZWAN BIN MOHD FAUZI - 81020407****
203B PALMA PERAK, JALAN CECAWI 6/6, SEC. 6, KOTA DAMANSARA 47810 PETALING JAYA, SELANGOR
Penjamin 1 : MOHD SALMIZAM BIN MD NOOR - 78051407****
932 JALAN PERMATANG BENDAHARI 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 2 : NORZARINA BINTI ABU HASAN - 61022207****
7-16-12 PANGSAPURI PELANGI, LINTANG MACALLUM 2, 10300 PULAU PINANG

No Akaun : 9943
Peminjam : MUHAMMAD FAIZ BIN ABDULLAH - 83090207****
A-20 TAMAN BELIMBING, JALAN TANJUNG BENDAHARA 05300 ALOR SETAR, KEDAH
Penjamin 1 : NORIZAN BINTI ABDULLAH - 58121702****
F-20 KM 16 JALAN YAN , MUKIM TEBENGAU, KUALA KEDAH 06600, KEDAH
Penjamin 2 : RIJAL FAHMI BIN ABDULLAH - 79050209****
A-20 TAMAN BELIMBING, JALAN TANJUNG BENDAHARA 05460 ALOR SETAR, KEDAH

No Akaun : 9948
Peminjam : NG THERNG FEI - 82101707****
NO.70 PERSIARAN KIKIK SATU, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI
Penjamin 1 : TAN CHOO TEE – (MENINGGAL DUNIA)
222 PERMATANG TENGAH 12300 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : ANG CHOONG WAN - 54021708****
NO.62 PERSIARAN KIKIK SATU, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI

No Akaun : 9951
Peminjam : KHAIROL ASHRAF BIN ABU BAKAR - 85061907****
524 A, KAMPUNG BERAPIT, TIKAM BATU, SUNGAI PETANI 08600 KEDAH
Penjamin 1 : MOHD FOAT BIN OSMAN - 67022707****
NO. 150 LORONG 1/3A , TAMAN SEMARAK, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH
Penjamin 2 : MOHD RIZAL BIN ABU BAKAR - 79051807****
NO. 657 C, LORONG ASTANA 11/2, BANDAR SERI ASTANA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 9954
Peminjam : MOHAMAD IHSAN BIN MOHAMAD ARIF - 85052707****
LOT 34065 JALAN TEMBUSU 3, KAMPUNG DATO DAGANG 70400 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
Penjamin 1 : MOHAMAD ARIF BIN YAHAYA - 60112907****
32 TAMAN SHAHAB, JALAN LANGGAR, ALOR SETAR 05450 KEDAH
Penjamin 2 : MOHD RIDZA BIN HANAFI - 61120902****
221 TAMAN MAWAR, JALAN TUN RAZAK 05200 ALOR SETAR, KEDAH

No Akaun : 9962
Peminjam : MUHAMAD KHIDZIR BIN IBRAHIM - 83042007****
NO.662 KEBUN SIREH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ZALINA BINTI IBRAHIM - 64082007****
PEJ. RANCANGAN PERUMAHAN MAK MANDIN, BLOK 1, MAK MANDIN 1, 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : SITI HAJAR BINTI IBRAHIM - 75020707****
NO.662 KEBUN SIREH 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 9964
Peminjam : ANG CHUNG KEOW - 83092507****
15, LORONG CENGAL 2/2, TAMAN CENGAL 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : HOE SING CHEN - 80042907****
NO. 3401 BAGAN JERMAL 12300 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : CHENG TONG HOE - 64112307****
23 LORONG MELUR 6 , TAMAN BAGAN JERMAL 12300 BUTTERWORTH

No Akaun : 9965
Peminjam : DHENAGARI A/P ALAGOO PILLAI - 83120307****
NO. 2A, JALAN SRI KLEBANG D/12, BANDAR BARU SRI KLEBANG, STRAND PARK 31200 CHEMOR, PERAK
Penjamin 1 : NADARAJAN A/L PERIYASAMY - 60051207****
2-H LORONG DELIMA 20 , ISLAND GLADES 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TINAGRAM A/L KANNIAN - 56080907****
BLOK 4E-08-04 JALAN SEMARAK API 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 9973
Peminjam : KUMUDHA A/P MUNUSAMY - 84010507****
NO. 42 LORONG SUKUN INDAH 8, TAMAN SUKUN INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : MUNUSAMY A/L SUBRAMANIAM - 49100107****
NO. 42 LORONG SUKUN INDAH 8, TAMAN SUKUN INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : MURALI A/L MUNUSAMY - 78042907****
NO. 42 LORONG SUKUN INDAH 8, TAMAN SUKUN INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 9975
Peminjam : TANG TZU CHI - 82041207****
1-16-5 SOLOK PAYA TERUBONG 8, G.L. GARDEN 11060 PULAU PINANG
Penjamin 1 : TANG AY SHIANG - 78041907****
1-16-05 SOLOK PAYA TERUBONG 8, GL GARDEN 11060 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TANG AY YEN - 80022607****
26 PERSIARAN BUKIT KECIL 6, TAMAN SRI NIBONG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 9977
Peminjam : NOOR RASHIFULIATON BT MAT RASHID - 84062707****
NO. 20 LORONG PENAGA 12, TAMAN PENAGA 13110 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : ABU BAKAR BIN YUSOP - 69121808****
NO. 77 LORONG DELIMA 2/1, TAMAN DELIMA, KULIM 09000 KEDAH
Penjamin 2 : ROMZI BIN AHMAD - (MENINGGAL DUNIA)
NO. 5821 PULAU MERTAJAM 13110 PENAGA, SPU

No Akaun : 9978
Peminjam : MOHD FAIRUS BIN MOHD KASSIM - 84092807****
NO. 27 LORONG SUNGAI RUSA 1, TAMAN MUTIARA, SUNGAI RUSA 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 1 : ISHAK BIN HUSSAIN - 64031607****
NO.181-D JELUTONG TIMUR 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : RIDZUAN BIN MD HASHIM - 51061207****
181-D JELUTONG TIMUR 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 9979
Peminjam : SIVAPRIYA A/P TANABALAND - 85071007****
BLOK 8-7-35 I-PARK, JALAN RAJAWALI, BAYAN LEPAS 11500 PULAU PINANG
Penjamin 1 : TANABALAND A/L SANAYASI - 55050607****
BLOK 8-7-35 I-PARK, JALAN RAJAWALI, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SUSILA TEH ARUMUGAM - 65022407****
BLOK E 4-06 LORONG HELANG 3, DESA PERMAI INDAH, SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 9981
Peminjam : GALOH MUNAWWARAH BINTI OSMAN - 79062708****
L-6-6 APT. VISTA SERI PUTRA, JALAN SERI PUTRA 2/3 BANDAR SERI PUTRA 43000 KAJANG, SELANGOR
Penjamin 1 : ISKANDAR KHAIRA BIN OSMAN - 72022708****
35 JALAN NOVA U5/77, SUBANG BESTARI, SEK. U5, 40150 SHAH ALAM, SELANGOR
Penjamin 2 : ISKANDAR ATIF BIN OSMAN - 68062608****
KAMPUNG BANGGOL WAN MAT A 09100 BALING, KEDAH

No Akaun : 9983
Peminjam : ZAINAL ABIDIN BIN CHE EMBI - 77111707****
TS 2473 TASEK JALAN JUNJONG 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : NORZI BINTI MUHAMAD - 73022807****
NO. 2418 LORONG 5/G, TAMAN MAHSURI FASA 3, 09400 PADANG SERAI, KEDAH
Penjamin 2 : MUHAMMAD FARIEZ BIN ISMAIL - 80061207****
17 LORONG SERI MENGKUANG 16, TAMAN SERI MENGKUANG 14400 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 9984
Peminjam : RHEMI FAZLI BIN MOHD AZMI - 77073107****
3-G-04 LENGKOK MAHSURI, BAYAN BARU 11950 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ELIZA BINTI MOHD AZMI - 72082407****
118-B2-03-04 PERSIARAN BAYAN INDAH, PUTRA PLACE CONDO. 11950 BAYAN LEPAS,PULAU PINANG
Penjamin 2 : AHMAD RIZAM BIN MD NOR - 74121107****
1B-2-3A SUNRISE GARDEN, JALAN KENARI, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 9990
Peminjam : SIVANESAN PILLAI A/L THAYASEGAMANAY - 81110907****
976 JALAN KLINIK LAMA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : SASIKUMAR A/L SATHASIVAM - 79110210****
NO. 51 JALAN KUBAH U8/52, BUKIT JELUTONG, SHAH ALAM 40150 SELANGOR
Penjamin 2 : GUGANESWARAN A/L SAMBASIVAM - 81062207****
22-8-2 EASTERN COURT, LORONG HIJAU 8, GREENLANE 10250 PULAU PINANG

No Akaun : 9993
Peminjam : MOHD FAZLI ZAHIRWAN BIN RAMLI - 81091207****
D-3A-08 KONDOMINIUM SENTUL UTAMA, JLN DATO SENU 26, TAMAN DATO SENU 51000 KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : RAMLI BIN CHE DIN - 50031407****
6 PINTAS SEMBILANG 14, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 2 : HAMEEZAH BINTI MOHD - 69113007****
9 LORONG TELOK AIR TAWAR 5, TAMAN AIR TAWAR INDAH 13050 BUTTERWORTH




# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 9997
Peminjam : LEE SIM HOE - 85042407****
29 LEBUH RAMBAI 13, 11060 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 1 : LEE PECK YONG - 61020407****
37 JALAN PERMAI, TAMAN BROWN, 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHAN CHENG SAN - 57090607****
599 JALAN PINANG, TAMAN MANGGA 14100 SIMPANG AMPAT, SPS

No Akaun : 10001
Peminjam : SYED HUSSINIEN HIELMIE SHAH BIN SAID AMIN SHAH – 84012707****
C-1-1 APARTMENT SRI IXORA, TAMAN SEPAKAT INDAH 2, 43000 KAJANG, SELANGOR
Penjamin 1 : SAID AMIN SHAH BIN ABD GHAFFAR SHAH - 53081008****
NO. 2 JALAN CENDANA, TAMAN SETIA JAYA, PARIT BUNTAR 34200 PERAK
Penjamin 2 : ABDUL RAHMAN BIN HAMZAH ALBAKRI - 57090708****
NO. 85 LORONG 5 , TAMAN DESA TRONG UTAMA 34800 TRONG, PERAK

No Akaun : 10002
Peminjam : EZMIL ARIFF BIN MOHD KHAIRAN - 74090807****
UNIT PENTADBIRAN, JAB. PELAJARAN NEGERI PULAU PINANG, JLN BUKIT GAMBIR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : EZMAWATI BINTI MOHD KHAIRAN - 78072807****
F 292 SIMPANG EMPAT, KAMPUNG KEDAH, PARIT BUNTAR 34200 PERAK
Penjamin 2 : AZLINDA BINTI AHMAD - 74100902****
NO. 8 PERSIARAN SEKSYEN 5/8, BANDAR PUTRA BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 10009
Peminjam : SHAFAWATI BINTI ABDUL MALIK - 86041235****
17-20-23A SERINA BAYS, HILIR SUNGAI PINANG, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ABDUL MALIK B. ARIFFIN - (MENINGGAL DUNIA)
17-20-3A HILIR SUNGAI PINANG 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ABDUL NASIR BIN YAHAYA - 61072207****
140-D JALAN MD TAIB, JELUTONG TIMUR 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 10029
Peminjam : SYAMSIAH BINTI IBRAHIM - 85041107****
NO.128-D LEMBAH RIA, AYER ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 1 : SHAMSUHAIMI BIN IBRAHIM - 74101107****
NO.128-D LEMBAH RIA 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : SHAMSURI BIN IBRAHIM - 69111107****
2B-7-20 SOLOK TENGKU, MUTIARA IDAMAN, JELUTONG 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 10031
Peminjam : WAN KOK KENG - 83092607****
NO. 4216 JALAN NEW FERRY 12100 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : CHEN CHIAN FOO - 54071509****
10 LEBUH TENGGIRI DUA, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 2 : CHANG CHEE MEU - 53040602****
NO. 4216 NEW FERRY 12100 BUTTERWORTH

No Akaun : 10041
Peminjam : NOR HAFIY ADLY BIN NORZILAN - 86092035****
F-15-23 RIFLE RANGE FLATS, AYER ITAM 11400 PULAU PINANG
Penjamin 1 : NORZILAN BIN NORDIN - 60013008****
F15-23 RIFLE RANGE FLATS 11400 PULAU PINANG
Penjamin 2 : RAZALI BIN NORDIN - 48121207****
107 SUNGAI BATU TKVA, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG

No Akaun : 10048
Peminjam : MOHD ADRIZAN BIN ALI - 85070705****
11-2-3 FLAT TAMAN SEMARAK 2, NILAI 71800 NEGERI SEMBILAN
Penjamin 1 : ALI BIN HAMZAH - 57071709****
562-B JALAN SULTAN AZLAN SHAH 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : RUSSENANI BINTI RASID - 73042502****
BATU 18 PADANG ASAM 33700 PADANG RENGAS, PERAK

No Akaun : 10052
Peminjam : H NG HAN SENG - 84031107****
7-Q JALAN TUNGGAL, AYER ITAM 11400 PULAU PINANG
Penjamin 1 : H NG KOK LIANG - 69070907****
11A LORONG MEKAR 2, TAMAN MEKAR 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : HONG LAY TENG - 76042807****
12 BOUNDARY ROAD 11400 AYER ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 10063
Peminjam : AHMAD GHAZALI BIN MOHAMED MEAH - 82060707****
BLOK 50B-11-05 U-GARDEN CONDOMINIUM, PERSIARAN MINDEN 1, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHAMED AKHIR BIN YUSOFF - 59102107****
NO. 27 JALAN NURI 1, SETIA PULAU MUTIARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : RUDZIAH BINTI ISMAIL - 55051907****
9 JALAN ISMAIL NAGORE 11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 10065
Peminjam : NUR ASYIKIN BINTI MOHD TAHIR - 85090607****
NO.72 JALAN MELAKA BARU 2/3, TAMAN MELAKA BARU 75350 BATU BERENDAM, MELAKA
Penjamin 1 : MOHD TAHIR BIN MOHD AKIB - 54082980****
3 KAMPUNG WADILHANA 05150 MERGONG, KEDAH
Penjamin 2 : HASNI @ HASMAH BT CHE ISMAIL - 56011907****
A36 TAMAN SRI BELIMBING, JALAN TANJONG BENDAHARA 05300 ALOR SETAR, KEDAH

No Akaun : 10073
Peminjam : MEEZANA BINTI MEERA MYDEEN - 81101207****
BLOK 10-3-11 LINTANG KAMPUNG RAWA 1, HALAMAN DAMAI 10150 PULAU PINANG
Penjamin 1 : AL-RIFAE BIN MOHAMED ISHAK - 70111771****
BLOK 88-5-12A SRI WONDER, LINTANG SUNGAI PINANG 10150 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MUHAMMED MUBARAK ALI BIN PAKIR ROWTHER - 75100871****
BLK A-1-18-04 MUTIARA IDAMAN SATU, JALAN TENGKU, JELUTONG 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 10074
Peminjam : ZULFA BINTI A M M SARIFFDIN - 82080307****
9-5-8 LINTANG MACALLUM 2, 10300 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ROSHAN KHAN BIN A M M SARIFFDIN - A0253***
9-5-9 LINTANG MACALLUM 2, 10300 PULAU PINANG
Penjamin 2 : BASHIR AHAMED BIN A M M SARIFFDIN - A2254***
9-5-9 LINTANG MACALLUM 2, 10300 PULAU PINANG

No Akaun : 10085
Peminjam : NG CHIN YIK - 85032307****
NO. 47 JALAN SEJAHTERA 4, TAMAN SEJAHTERA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : NG HUEY WUEN - 83073007****
47 JALAN SEJAHTERA 4, TAMAN SEJAHTERA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : ONG CHEE WEI - 81052401****
NO. 109 JALAN PERMATA, TAMAN MESRA, ULU TIRAM 81800 JOHOR

# Jelajah Desa SPS, lima keluarga terpilih terima rumah bantuan Kerajaan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SUNGAI ACHEH** - RM528,000 daripada RM3.3 juta keseluruhan peruntukan tahunan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang untuk program pembangunan luar bandar bagi tahun 2018 adalah membabitkan Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) sahaja.

Mengulas lanjut, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin memberitahu, peruntukan tersebut termasuk membina lima unit kediaman baru untuk keluarga terpilih di Kampung Sungai Kecil, Tanjung Berembang, Sungai Chenaam, Sungai Udang dan Jalan Sungai Udang.

Selain itu, ulas beliau, peruntukan tahunan pembangunan luar bandar tersebut turut digunakan untuk projek baik pulih kediaman rakyat terpilih serta pemberian sumbangan dalam bentuk mesin untuk membantu aktiviti usahawan kecil dan petani di kawasan luar bandar.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Jelajah Desa Daerah SPS dekat Dewan Serba Guna Perda, Sungai Acheh di sini pada 22 Disember 2018.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Acheh, Zulkifli Ibrahim dan Pegawai Daerah SPS, Yazman Yahya turut sertai jelajah desa tersebut.



**DR. Afif Bahardin (enam dari kiri) diiringi Zulkifli Ibrahim (empat dari kiri) menyerahkan Notis Pemberian Rumah Bantuan Rakyat kepada seorang penerima terpilih bersempena program Jelajah Desa Daerah SPS di sini baru-baru ini.**

## Fokus lahir usahawan e-dagang, ekonomi digital

**SEBERANG JAYA** – Kira-kira 200 peserta mengambil bahagian dalam Program Insentif Usahawan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kali keempat anjuran MMK Pembangunan Keusahawanan di sini pada 29 Disember 2018.

Menurut Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain, program tersebut bertujuan memberi pendedahan mengenai insentif dan sokongan yang disediakan agensi Kerajaan Negeri serta Persekutuan bagi membantu usahawan mengembangkan perniagaan.

"Bagi pihak Kerajaan Negeri, kita ada dua agensi yang menyediakan insentif kepada usahawan iaitu melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang menyediakan Skim Pinjaman Harapan (SPH) iaitu skim tanpa cagaran dan faedah.

"Satu lagi pinjaman yang ditawarkan Kerajaan Negeri adalah skim oleh *investPenang* (iP) khusus untuk usahawan muda yang mahu menawarkan perkhidmatan atau produk-produk baru berasaskan teknologi yang mana sebanyak RM3.7 juta telah berjaya diluluskan pada tahun ini," ucapnya pada majlis perasmian program berkaitan.

Beberapa ahli panel berpengalaman dalam bidang keusahawanan turut ditampilkan antaranya, Pengurus Bahagian Pembangunan Usahawan PDC, Ku Zaleha Iskandar; Pengurus Besar Halal Penang, Mohd. Firhan Ghouse; wakil SME Corporation Malaysia, Pulau Pinang, Nurliyana Hussin serta wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Jasmin Mohd. Abd. Jalil.

Usahawan e-dagang terkenal yang juga pengasas Tudung People, Fazrena Aziz; Peneraju Syarikat Jeruk Madu Pak Ali, Alias Ali serta wakil Syarikat Ever Green Cove Sdn. Bhd., Goh Toh Sin turut diundang dalam program tersebut.

Mengulas lanjut, Abdul Halim menjelaskan bahawa pada tahun 2019, Kerajaan Negeri bakal memberi tumpuan sepenuhnya terhadap perniagaan e-dagang serta pengenalan kepada usahawan digital.

"Kini kita memasuki era baru iaitu digital ekonomi yang mana teknologi-teknologi baru digunakan dalam model perniagaan, dan sekiranya teknologi digital ini gagal dikuasai, adalah dibimbangi kita akan ketinggalan.

"Oleh itu, sebagai projek permulaan, Kerajaan Negeri akan memilih 10 usahawan yang bersedia ke arah perniagaan e-dagang dan digital untuk diberikan bimbingan," jelas beliau.



**ABDUL Halim Hussain.**



# MPSP sasar 'Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan'

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menyasarkan Seberang Perai sebagai aspirasi bandar baharu masa hadapan yang serba lengkap dengan pembangunan terancang serta persekitaran hijau dan mampan.

Yang di-Pertuanya, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melaksanakan pelbagai dasar bagi merealisasikan Pulau Pinang yang lebih bersih, lebih sihat, lebih hijau dan lebih selamat.

Malah, menurutnya, MPSP juga menyokong penuh dasar-dasar Kerajaan Negeri dengan mengambil pelbagai langkah-langkah proaktif ke arah merealisasikan 'Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan'.

"Misalnya bagi memperkasakan kempen kitar semula, MPSP mengadakan aktiviti-aktiviti melalui Program LA21 di samping mewujudkan 69 pusat kitar semula di kawasan perkampungan, taman perumahan, sekolah dan kilang-kilang.

"Karnival Upcycle yang diadakan pada hari Sabtu pertama setiap bulan di Autocity, Juru dan Karnival 8R di Pasar Awam Kota Permai setiap Ahad keempat setiap bulan antara program-program berimpak tinggi yang dilaksanakan oleh MPSP.

"(Dan) terbaru, MPSP menetapkan tiada lagi penggunaan cawan atau bekas plastik pakai buang dalam semua mesyuarat serta program-program anjuran MPSP mulai Julai 2018 lalu," katanya ketika ditemui sejurus Majlis Penyerahan Termos Kepada Ahli Majlis, Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Serta Kumpulan B di Auditorium Menara MPSP dekat sini baru-baru ini.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh hadir menyempurnakan penyerahan 391 unit termos berkenaan.

Mengulas lanjut, Rozali menyatakan bahawa pihaknya menggalakkan semua pegawai yang menerima termos berkaitan akan membawanya setiap hari ke pejabat sebagai tanda menyokong seruan Kerajaan Negeri bagi mengurangkan penggunaan cawan, botol dan penyedut minuman plastik.

"Penyerahan termos yang diukir khas nama penerima ini juga adalah sebahagian tanda sokongan terhadap Dasar Larangan Penggunaan Plastik Sekali Guna yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2019," ujarnya.



**PHEE Boon Poh (barisan hadapan, tiga dari kanan) dan Sr. Rozali Mohamud (hadapan, berkopiah) bersama-sama sebahagian kakitangan MPSP menunjukkan termos yang diterima sejurus majlis penyerahannya di sini baru-baru ini.**






# Wanita perlu berani tampil lapor kes gangguan seksual



CHONG Eng, Hannah Yeoh Tseow Suan, barisan pimpinan Kerajaan Negeri, wakil-wakil penganjur serta barisan peserta menunjukkan simbol 'Hentikan Gangguan Seksual' pada Majlis Penutupan PGO 2018 di sini baru-baru ini.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **CHEAH LAY PING**

**GEORGE TOWN –** Kempen Penang Goes Orange (PGO) 2018 bertemakan 'Hentikan Gangguan Seksual' anjuran Kerajaan Negeri bersama-sama Jabatan Pembangunan Wanita dan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) ditamatkan dengan sesi perbincangan meja bulat pada 10 Disember 2018.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Hannah Yeoh Tseow Suan menyempurnakan acara penutup yang berlangsung dekat Pusat Serantau Pendidikan Sains dan Matematik (SEAMEO RESCAM) di sini.

Tseow Suan dalam ucapannya berkata, golongan wanita sering kali menjadi mangsa gangguan seksual dan topik perbualan yang mengandungi unsur-unsur tidak bermoral.

"Serentak itu, gangguan seksual juga boleh berlaku terhadap lelaki dan wanita yang mana pelakunya mungkin dalam kalangan jantina yang sama atau sebaliknya.

"Mangsa jenayah seksual bukan sahaja mereka yang diganggu dengan kelakuan yang menyalahi undang-undang secara langsung, tetapi juga yang terdedah kepada gangguan seksual yang ditujukan kepada individu lain," ujarnya.

Mengulas lanjut, Tseow Suan turut menegaskan bahawa gangguan seksual boleh berlaku dalam pelbagai bentuk seperti meletakkan tangan di bahu seseorang, menyebar khabar angin berkait unsur seksual, membicarakan hal berkaitan pakaian atau tubuh badan seseorang serta sebagainya yang tergolong dalam gangguan seksual.

"Bagaimanapun, kaum wanita sering kali merasa takut untuk bercakap tentang gangguan seksual kerana memikirkan akibatnya.

"Justeru, saya menggesa kepada mereka yang berdepan gangguan seksual untuk berani tampil membuat laporan agar perbuatan tidak bermoral ini dapat dihentikan," tegasnya.

Hadir sama, Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit, Heng Lee Lee; Syerleena Abdul Rashid (ADUN Seri Delima); Lim Siew Khim (ADUN Sungai Pinang) dan Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Ong Bee Leng.

Dalam pada itu, Chong Eng memberitahu bahawa berdasarkan kajian, sebanyak 70 hingga 90 peratus mangsa tidak melaporkan kes gangguan seksual yang dihadapi mereka.

Terdahulu, turut berlangsung program *'The Orange Challenge'* di bawah inisiatif PGO 2018 sebagai platform untuk mengatasi jenayah seksual dalam kalangan masyarakat.







# MPSP sedang teliti teknologi biogas sebagai salah satu cabang kitar semula

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**



**PHEE Boon Poh.**

**BUKIT TENGAH –** Pengurusan sisa buangan makanan kini mampu dijadikan sumber tenaga yang diperbaharui melalui teknologi biogas, ujar Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

Menurut beliau, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) kini sedang meneliti teknologi biogas berkaitan untuk dijadikan sebagai salah satu cabang kitar semula di kawasan pentadbirannya.

"Walaupun sebelum ini sisa makanan dianggap sebagai bahan buangan biasa, namun sebenarnya ia mampu menjana tenaga yang boleh diperbaharui dan digunakan semula.

"MPSP sedang melihat ke arah ini (biogas)... dan apabila pelaksanaannya kelak, Majlis dijangka mampu meningkatkan kadar kitar semula seperti disasarkan iaitu 70 peratus.

"Makanan juga sebenarnya boleh dikira dalam kelompok kitar semula, kira-kira 41 peratus sampah di Pulau Burong adalah sisa organik, maka jika kita (rakyat) mampu kurangkan kepada 60 peratus adalah lebih bagus," ujarnya pada sidang media sejurus melancarkan Kempen Tiada Penyedut Minuman (Plastik) Percuma di sini 24 Disember 2018.

Hadir sama, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud, Ahli-ahli Majlis MPSP serta wakil-wakil pengusaha makanan yang mengambil bahagian.

Boon Poh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu ketika berucap turut menuntut penglibatan dan sokongan masyarakat umum terhadap kempen-kempen yang dilaksanakan Kerajaan Negeri.

"Tanpa penyertaan masyarakat, segala kempen yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri akan menjadi sia-sia," serunya.

Pada majlis tersebut, sebanyak 37 premis makanan dan minuman di Auto City dekat sini bersetuju untuk menyokong kempen berkenaan dan melayakkan mereka menerima sijil penghargaan berlogokan *Climate & Clean Air Coalition* (CCAC) sebagai tanda terima kasih.




# Menteri seru tubuh pasukan sukarelawan bomba peringkat KADUN

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**PENANTI** - Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin berharap pasukan sukarelawan Bomba dapat ditubuhkan di setiap Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) sebagai persiapan menghadapi bencana di peringkat komuniti setempat.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Perasmian Balai Bomba dan Penyelamat Penanti pada 4 Januari 2019 di sini.

"Dengan adanya balai bomba di kawasan ini, ia akan memudahkan lagi rakyat di kawasan ini untuk mendapatkan bantuan ketika berlaku bencana.

"Saya juga berharap lebih banyak lagi pasukan sukarelawan Bomba dibentuk, saya berharap Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ahli-ahli Parlimen, Exco-Exco Kerajaan Negeri dapat bantu menubuhkan pasukan sukarelawan Bomba di kawasan masing-masing," jelasnya sambil menyeru rakyat supaya menghargai pengorbanan anggota bomba dalam menangani bencana di tanah air ini.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Datuk Mohamad Hamdan Wahid turut berucap dalam majlis rasmi itu.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik; Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Bomba, Yang Amat Setia Datuk Saimon Jahid dan Pengarah Jabatan Bomba Negeri, Yang Setia Saadon Mokhtar.

Majlis perasmian pembukaan balai bomba tersebut dimeriahkan dengan acara perbarisan serta demonstrasi anggota bomba dan menyelamat mangsa kemalangan jalan raya berisiko tinggi.



**ZURAIDA Kamaruddin melakukan kawalan kehormat bersempena Majlis Perasmian Balai Bomba dan Penyelamat Penanti di sini baru-baru ini.**

# Penguatkuasaan lebih ketat terhadap kenderaan berat lebih muatan, penggunaan tayar celup – Menteri

**BATU UBAN** – Kes kemalangan melibatkan kenderaan berat lebih muatan dan penggunaan tayar celup tidak dipandang ringan, sebaliknya Kementerian Kerja Raya (KKR) bakal menjalankan penguatkuasaan lebih ketat terhadap perkara berkaitan.

Perkara tersebut dinyatakan Menterinya, Baru Bian pada satu sidang media bersempena lawatan kerja beliau ke Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) Wilayah Utara di sini 4 Januari lalu.

Menurut Baru Bian, pihaknya bakal bekerjasama dengan Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi melaksanakan penguatkuasaan yang lebih ketat ke atas kesalahan-kesalahan tersebut.

"Berdasarkan taklimat keselamatan serta lalu lintas membabitkan Jambatan Pulau Pinang dan Jambatan Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah (Jambatan Kedua), cabaran dihadapi adalah lebih kepada isu kemalangan yang berlaku di atas kedua-dua jambatan tersebut.

"Malah, Kementerian memandang serius isu kenderaan berat lebih muatan yang menggunakan jambatan-jambatan ini setiap hari serta penggunaan tayar celup (oleh kenderaan-kenderaan berat tertentu) kerana sebarang kejadian yang berlaku ia bakal melibatkan keselamatan semua pengguna jalan raya lain," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Selangau, Sarawak.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, H'ng Mooi Lye; ADUN Kebun Bunga, Ong Khan Lee; Ketua Pengarah LLM, Datuk Seri Aziz Abdullah dan Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang, Ir. Shahabuddin Muhayidin.

Merujuk kepada statistik, Baru Bian memberitahu bahawa kemalangan yang berpunca daripada kenderaan berat lebih muatan dan penggunaan tayar celup adalah mencecah kira-kira 10,000 kes setahun di seluruh negara.

"Daripada statistik tersebut sekiranya dibahagikan, sebanyak 30 kes kemalangan dalam tempoh satu hari adalah berpunca daripada penggunaan tayar celup," ujarnya lanjut.

Sebelum itu, delegasi Baru Bian dibawa ke Jambatan Pulau Pinang dan Jambatan Kedua bagi meninjau keadaan aliran trafik membabitkan dua lokasi berkaitan lanjutan daripada pengumuman pemansuhan tol bagi laluan motosikal bermula 1 Januari lalu.



**BARU Bian pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**




# Pantau, keluar notis salah guna kediaman sebagai asrama pekerja

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **YUSNINA MOHAMAD YUSOF**

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) baru-baru ini menjalankan pemantauan serta mengeluarkan notis penguatkuasaan terhadap beberapa unit kediaman yang dijadikan asrama pekerja tanpa kelulusan, di bawah pentadbirannya.

Datuk Bandarnya, Dato' Ar. Yew Tung Seang berkata, mengikut akta yang termaktub, notis akan dikeluarkan terlebih dahulu kepada pemilik bangunan sebelum disusuli dengan tindakan penguatkuasaan sekiranya masih gagal mengikuti arahan dikeluarkan.

"Malah, pemilik berkait kes ini juga boleh dibawa ke mahkamah," ujarnya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) di sini baru-baru ini.

Turut serta, Setiausaha Bandaraya, Ar. Addnan Mohd. Razali, Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan MBPP.



AR. Yew Tung Seang ketika mempengerusikan MBM di sini baru-baru ini.

Terdahulu, beberapa unit rumah teres tiga tingkat di Jalan Kekabu, Bayan Lepas telah diberikan notis dan diputuskan supaya diambil tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 28(2)(a) Akta Perancangan Bandar & Desa 1976.

Dalam pada itu, pada sidang media sama, Tung Seang turut menjelaskan bahawa bagi rumah bertingkat/apartmen/kondominium, sebarang penyewaan oleh pekerja adalah tertakluk kepada undang-undang oleh Badan Pengurusan Bersama (JMB) masing-masing.

"Setiap kediaman bertingkat mempunyai JMB masing-masing dan mereka mempunyai undang-undang yang telah ditetapkan, maka setiap penyewa adalah tertakluk kepada undang-undang di kediaman tersebut," jelasnya.

# Tubuh Skuad Tindakan Krisis bendung penularan wabak denggi

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menubuhkan Skuad Tindakan Krisis bagi mengawal penularan wabak denggi di sini.

Yang di-Pertuanya, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, skuad berkenaan ditubuhkan sejak 7 Disember 2018 ekoran berlaku peningkatan ketara kes wabak denggi yang dilaporkan di Pulau Pinang iaitu sebanyak 5,485 laporan.

"Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) menjadi penyumbang tertinggi kepada peningkatan kes denggi dengan mencatatkan 1,531 laporan pada tahun 2018.

"Lokaliti wabak yang masih aktif pula adalah tujuh lokaliti *hotspot*, lokaliti wabak tidak terkawal (4) dan lokaliti wabak terkawal (17).

"Oleh itu, MPSP akan memainkan peranan dalam menangani isu wabak denggi dengan membantu pihak Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Utara, Tengah dan Selatan.



SR. Rozali Mohamud menunjukkan laporan statistik kes wabak denggi membabitkan lima daerah pada sidang media di sini baru-baru ini.

"Pejabat Kesihatan Daerah akan menyalurkan maklumat berkaitan lokaliti kejadian wabak denggi kepada MPSP dan isu-isu permasalahan berkaitan kebersihan sekitar yang perlu ditangani," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Biasa Majlis di sini 19 Disember 2018.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmod serta Ahli-Ahli Majlis bagi MPSP.

Mengulas lanjut, Rozali menjelaskan bahawa pihaknya juga menjalankan tindakan pembersihan di beberapa kawasan *hotspot* denggi mulai Oktober sehingga 24 Disember 2018 dan setakat ini 16 notis pembersihan telah dikeluarkan.

Selain itu, tambahnya, beberapa strategi bagi menangani wabak berkenaan telah disusun MPSP dengan memberi tumpuan kepada kerja-kerja pembersihan sekitar, menjalankan kerja anti larva, tindakan penguatkuasaan, program gotong-royong dan banyak lagi.

"Justeru, MPSP menyeru penduduk setempat agar memberi kerjasama padu kepada agensi kerajaan dalam memerangi nyamuk aedes," seru Rozali.

Pulau Pinang kini menduduki tangga ketiga dari segi jumlah kes tertinggi wabak denggi di negara ini selepas Selangor (41,153) dan Kuala Lumpur (6,574).

# MPSP kembangkan program berkonsep *'people centric'* selaras *Penang2030*

**SEBERANG JAYA –** Dalam usaha memerangi wabak denggi dan menjaga kebersihan persekitaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mengambil inisiatif mengadakan Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah dekat Kampung Permatang Nibong di sini.

Menurut Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud, pertandingan tersebut adalah selaras dengan visi *Penang2030* yang mana MPSP yang merupakan sebuah organisasi berorientasikan rakyat atau *people centric* akan terus memperbanyakkan program sebegitu.

"MPSP berhasrat untuk kembangkan lagi program-program berkonsepkan *people centric* ini selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri berlandaskan visi *Penang2030* iaitu salah satunya memfokuskan kepada keluarga *(family focus)*.

"Terjemahan *family focus* ini dalam bentuk *local campaign* adalah melibatkan semua yang ada dalam sesebuah keluarga, misalnya kalau ada acara jalan kaki atau larian bayi pun boleh kita tolak sekali dengan *stroller*.

"Sebagai Yang di-Pertua, saya telah menyuarakan hasrat ini dan semua Ahli Majlis pun telah bersetuju tentang konsep *people centric* untuk dilaksanakan pada 2019," jelasnya pada sidang media sejurus tamat Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah di Permatang Nibong bertarikh 23 Disember 2018.

Hadir sama, wakil dari kilang Flex selaku penaja hadiah, Nor Azmah Ayob dan jawatankuasa kariah penduduk Kampung Permatang Nibong.

Dalam pada itu, Rozali turut mengingatkan penduduk setempat agar menjaga kebersihan di dalam rumah berikutan kajian daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyatakan bahawa 55 peratus daripada kes denggi adalah bermula dari dalam rumah.

"15 peratus adalah dari halaman rumah, dan bakinya baru kawasan-kawasan lain, justeru, di sini jelas sebenarnya dalam rumah kita sendiri itu menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes," tegasnya.

Melalui pertandingan yang memperoleh 56 penyertaan tersebut, para penduduk dididik dengan pelbagai program bermanfaat.

Penilaian dilakukan melalui beberapa faktor seperti pokok hiasan, penanaman sayur-sayuran, kebersihan halaman rumah, penggunaan bahan buangan secara optimum, penghasilan kompos sebagai baja tanaman dan pengasingan sisa di punca.

# Kerajaan Negeri lulus peruntukan RM1.5 juta, cat semula PPR Desa Wawasan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**PADANG LALANG –** Penduduk di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Desa Wawasan, di sini menerima khabar gembira apabila Kerajaan Negeri bersetuju meluluskan peruntukan berjumlah RM1.5 juta untuk melaksanakan kerja-kerja menaik taraf perumahan berkenaan pada tahun 2019.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, adalah menjadi aspirasi Kerajaan Negeri untuk menyediakan kediaman dan persekitaran selesa serta kondusif untuk rakyat Pulau Pinang.

"Oleh itu, keperluan bagi menjalankan kerja-kerja menaik taraf skim-skim perumahan awam termasuk PPR sentiasa diberi perhatian.

"Justeru, bagi tahun 2019, Kerajaan Negeri sekali lagi meluluskan peruntukan sebanyak RM1.5 juta untuk kerja-kerja mengecat semula Blok A dan B PPR Desa Wawasan (RM1.3 juta) serta memasang bumbung di laluan pejalan kaki (RM200,000)," ujarnya pada sidang media bertarikh 26 Disember 2018.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang merangkap Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng; wakil-wakil Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang; Jurutera Daerah Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Seberang Perai Tengah, Tajuddin Yahaya; Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Desa Wawasan, Mohd. Sanusi Ahmad serta komuniti setempat.

Mengulas lanjut, Jagdeep menjelaskan bahawa sehingga November 2018, sebanyak RM1.4 juta dibelanjakan Kerajaan Negeri untuk menaik taraf (RM548,347.06) dan menyelenggara (RM816,229.42) PPR Desa Wawasan.




**JAGDEEP Singh Deo (berkemeja putih) bersama-sama wakil-wakil berkaitan dan para penduduk sejurus selesai sidang media pengumuman pelaksanaan kerja-kerja menaik taraf PPR Desa Wawasan di sini baru-baru ini.**

"Peruntukan tersebut adalah melibatkan kerja-kerja membina taman permainan dan landskap (RM217,606.06), menaik taraf surau (RM86,741) dan pejabat kecil (RM111,000) serta penggantian selusur tangga (RM133,000) yang kini telah siap sepenuhnya.

"Kerajaan Negeri amat memfokuskan kerja-kerja menaik taraf taman permainan kanak-kanak dan landskap sebagai salah satu usaha untuk mencapai penghijauan bagi skim perumahan awam di negeri ini.

"Ia penting kerana hasil yang kita lihat di PPR Desa Wawasan bukan sahaja akan menjadi contoh kepada skim-skim perumahan awam lain, malah juga untuk pembinaan projek-projek perumahan swasta di negeri ini," jelasnya.

Sebagai rekod, Kerajaan Negeri membelanjakan kira-kira RM11,807,275.67 untuk menaik taraf serta menyelenggara kawasan serta infrastruktur di 28 skim perumahan awam yang memberi manfaat kepada 13,288 isi rumah di negeri ini.




EcoWolrd Gallery @ Eco Terraces
Eco Terraces Development Sdn. Bhd. (1037577-T )
An EcoWorld Subsidiary Sompany
(FORMERLY KNOWN AS GAMA CITRA SDN. BHD.)

PT2509, Jalan Paya Terubong,
Paya Terubong, 11060 Paya Terubong,
Pulau Pinang, Malaysia.

T +604 827 5522
E ecoterraces@ecoworld.my
EcoWorld Gallery @ Eco Terraces

Nikmati perkhidmatan dan bantuan bertaraf dunia kami setiap hari.
Isnin hingga Jumaat 9pg - 6ptg
Hujung Minggu dan Cuti Umum 10pg - 6ptg

www.ecoworld.my

Crafted by ECOWORLD CREATING TOMORROW & BEYOND

Pemaju: Eco Terraces Development Sdn Bhd (1037577-T) • No. Lesen Pemaju: 13968-1/05-2019/01764(L) • Tempoh Sah: 17/05/2018-16/05/2019 • No. Permit Iklan & Jualan: 13968-1/05-2019/01764(P) • Tempoh Sah: 17/05/2018-16/05/2019 • Pegangan Tanah: Halak milik kekal • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Pulau Pinang •Tarikh Dijangka Siap: June 2019 • Caj Tanah: Public Bank Berhad • Bebanan Tanah: Nil • Jernis Harta: Kondominium • Jumlah Unit: 333 units • harga: RM 1,139,650 (Min) – RM 2,210,300 (Max) • No. Kelulusan Pihak Berkuasa: MPPP/OSC/PB(7705)/15(LB) • Saiz: 1095 kps. to 2008 kps. • Potongan 5% untuk bumiputera • Maklumat yang terkandung dalam iklan ini tertakluk pada perubahan dan tidak boleh membentuk sebahagian daripada tawaran atau kontrak. Semua lukisan realistik adalah gambaran perlukis sahaja. Seuma ukuran adalah anggaran.Walaupun sewaktu penyediaan iklan semua perhatian sewajarnya telah diberikan,pemaju tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya terdapatketidaktepatan. Semua item di atas adalah tertakluk pada ubahan, ubah suaian dan penggantian yang mungkin diperlukan oleh Pihak - pihak Berkuase atau disyorkan oleh Arkitek atau Jurutera.

# Karnival Kesihatan dan Sukan pupuk semangat perpaduan masyarakat setempat

Oleh : **YUSNINA MOHAMAD YUSOF**
Gambar : **JKKK JALAN MASJID NEGERI**



**RAMKARPAL Singh (bertopi ungu) dan Mohamed Farook Ismail (bertopi merah) bergambar kenangan bersama-sama peserta cilik yang mengambil bahagian dalam peraduan mewarna/melukis pada penganjuran Karnival Kesihatan dan Sukan di sini baru-baru ini.**

**AIR ITAM –** Karnival Kesihatan dan Sukan yang dianjurkan secara usaha sama dengan Pejabat Pusat Khidmat Ahli Parlimen Bukit Gelugor dan Pejabat ADUN Air Itam baru-baru ini meriah dengan pelbagai aktiviti menarik.

Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh berkata, penganjuran karnival tahunan itu adalah bertujuan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat setempat.

"Saya yakin, penglibatan orang ramai khasnya penduduk di sekitar sini dalam program sebegini dapat memupuk masyarakat yang lebih bertanggungjawab dan saling hormat-menghormati.

"Saya difahamkan juga, sempena penganjuran karnival ini, pelbagai aktiviti disediakan dan paling dinanti-nantikan adalah pertandingan bola sepak," ucapnya ketika merasmikan karnival berkaitan dekat Padang Flat Harmoni di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Joseph Ng Soon Siang.

Selain pemeriksaan kesihatan percuma, turut diadakan taklimat berhubung pemasangan alat perangkap nyamuk serta aktiviti gotong-royong.

Dalam pada itu, Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Jalan Masjid Negeri, Mohamed Farook Ismail ketika dihubungi memberitahu bahawa karnival tahunan berkaitan adalah sangat meriah dengan penyertaan lebih 200 peserta dalam aktiviti gotong-royong.

"Selain pasukan bomba, turut serta adalah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), pasukan COMBI *(Communication for Behavioral Impact)* Jalan Masjid Negeri dan Kebangsaan, Perpustakaan Negeri serta Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut.

"Malah, Persatuan Penduduk Flat Harmoni juga tidak ketinggalan untuk turut serta dalam pelbagai program serta aktiviti yang disediakan," ujarnya.

Serentak itu, sebanyak 14 pasukan mengambil bahagian dalam Pertandingan Bola Sepak Piala Pusingan YB Ramkarpal Singh kali ini.

# Ahli Parlimen, ADUN salur peruntukan urai kesesakan lalu lintas



**STEVEN Sim Chee Keong (dua dari kanan) dan Heng Lee Lee (kanan sekali) menyampaikan sumbangan kepada Dr. Nur Aslina Bahakodin (dua dari kiri) di sini baru-baru ini.**

**BERAPIT –** Masalah kesesakan lalu lintas di hadapan Hospital Bukit Mertajam yang dilihat berisiko mengancam keselamatan pengguna jalan raya mendapat perhatian wakil rakyat setempat.

Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong berkata, kesesakan lalu lintas dipercayai berlaku selepas Klinik Metadon mula beroperasi di bangunan asrama lama hospital berkaitan iaitu bersebelahan dengan sebuah tadika.

"Kita menerima aduan daripada pihak Tadika Methodist Bukit Mertajam yang beroperasi di sebelah Klinik Metadon kerana hanya ada satu sahaja laluan masuk ke tadika iaitu di tepi klinik.

"Oleh itu, apabila pelanggan Klinik Metadon datang pada waktu pagi, ia menyebabkan jalan mengalami kesesakan ekoran kenderaan mereka yang dipercayai diparkirkan pada kiri dan kanan jalan sehingga menyukarkan pergerakan ibu bapa yang menghantar anak-anak ke tadika berkenaan," jelasnya pada sidang media di sini 14 Disember 2018.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit, Heng Lee Lee serta Pengarah Hospital Bukit Mertajam, Dr. Nur Aslina Bahakodin.

Justeru, Chee Keong menyatakan bahawa sebanyak RM5,700 diperuntukan bagi tujuan membuka laluan masuk baru dari Jalan Kulim ke Klinik Metadon bagi mengurangkan kesesakan di kawasan berkaitan terutama dekat laluan masuk ke tadika sebagaimana dipersetujui pihak hospital.

"Selepas ini, pelanggan klinik hanya akan menggunakan pintu baru bagi melancarkan pergerakan lalu lintas di sini," ujarnya sambil menambah bahawa beliau juga turut menyumbang sebanyak RM5,000 kepada Kelab Kebajikan dan Sukan Hospital Bukit Mertajam sebagai menyokong program-program sukan kelab berkenaan.

Dalam pada itu, Lee Lee pula menjelaskan bahawa bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas, sebanyak RM19,000 telah disumbangkan melalui Pusat Khidmat ADUN Berapit untuk menaik taraf jalan bersebelahan Klinik Metadon yang telahpun siap sepenuhnya baru-baru ini.

# Bantuan sekolah, ADUN seru sama-sama mainkan peranan agar tiada golongan tercicir



**AZRUL Mahathir Aziz (kiri sekali) menyampaikan baucar kepada salah seorang penerima pada Majlis Bantuan Persekolahan 2019 di sini baru-baru ini.**

**BAYAN LEPAS –** Bersempena sesi persekolahan 2019, seramai 167 pelajar terpilih dari Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) menerima baucar bantuan persekolahan baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz berkata, pemilihan penerima adalah dilaksanakan oleh Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) setempat.

"Justeru, sekiranya ada lagi masyarakat sekeliling yang anda kenal dan memerlukan bantuan, anda boleh bawa kepada pengetahuan saya dan kita (Pusat Khidmat KADUN Bayan Lepas) akan mengadakan lawatan bagi tindakan lanjut.

"Kita tidak mahu ada golongan tercicir yang tidak terbela, oleh itu sama-sama kita mainkan peranan bagi membantu semua pihak," serunya pada Majlis Bantuan Persekolahan 2019 di sini.

Pada majlis sama, Azrul turut menyampaikan baucar pakaian persekolahan daripada Zakat Pulau Pinang (ZPP) kepada 150 penerima.

# Kelas tuisyen percuma sains dan matematik, komitmen ADUN

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



KHALIQ Mehtab Mohd. Ishaq, jawatankuasa penganjur dan para penerima bergambar kenangan sejurus selesai Majlis Penyampaian Bantuan Baucar Bantuan Persekolahan Sesi 2019 Peringkat Parlimen Kepada Batas di sini baru-baru ini.

**BERTAM** – Seramai 400 murid sekolah rendah terpilih dari Parlimen Kepala Batas menerima baucar persekolahan bagi sesi 2019.

Penyampaian baucar tunai masing-masing bernilai RM100 itu disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bertam, Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq.

Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Zahar Zainul ketika ditemui berkata, pemberian bantuan persiapan sekolah itu merupakan program tahunan yang dilaksanakan di sini sejak 2013 dengan tujuan membantu keluarga berpendapatan rendah di kawasan luar bandar.

"Baucar ini boleh ditunaikan dengan pembelian pakaian seragam sekolah di kedai terpilih di Pokok Sena dan juga Tasek Gelugor," katanya yang juga Pegawai Penerangan Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri kepada Buletin Mutiara pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Khaliq Mehtab dalam ucapannya menyatakan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa menitikberatkan kebajikan penduduknya lebih-lebih lagi dalam penyediaan keperluan pembelajaran anak-anak negeri ini.

"Saya juga akan mengadakan kelas tuisyen percuma mata pelajaran sains dan matematik pada tahun 2019 yang diharap dapat mengurangkan sedikit bebanan ibu bapa yang mahu menghantar anak-anak mereka ke pusat tuisyen sedia ada," ujarnya.

Hadir sama, Pegawai Penyelaras Khas Ketua Menteri, Lay Hock Peng; Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang (ZPP), Mohd. Taupek Abd. Rahman; Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ooi Yong Wooi dan wakil Parti Amanah Negara, Parlimen Kepala Batas, Ramli Omar.

## Akademi tenis, serlah potensi bakat muda



RAMKARPAL Singh (depan sekali) beramah-mesra dengan para peserta *Junior Tennis Program 2018* pada majlis perasmiannya di sini baru-baru ini.

**BATU UBAN** – Penganjuran sulung *'Junior Tennis Program 2018'* pada 15 Disember 2018 berjaya menarik penyertaan 50 kanak-kanak berusia antara enam hingga 14 tahun.

Dianjurkan oleh *Pro Ace Tennis Academy* (PATA), dan Jaya Catering & Restaurant Sdn. Bhd. tampil selaku penaja utama program yang diadakan di gelanggang tenis dekat Kompleks Belia dan Sukan Batu Uban itu.

Pada sesi sidang media, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh berkata, penganjuran berkaitan adalah penting bagi mencungkil bakat-bakat muda pemain tenis pelapis negara pada masa hadapan.

"Saya sangat teruja kerana penganjuran program ini memberi makna buat diri saya yang juga merupakan salah seorang pemain tenis ketika muda dahulu bagi mengisi masa lapang.

"Sukan ini bukan sahaja mengajar kita erti disiplin tetapi juga nilai etika yang boleh diterapkan dalam semua aspek kehidupan.

"(Dan) saya percaya bahawa program ini juga mampu mencungkil minat serta menyerlahkan bakat-bakat muda yang terpendam, siapa tahu, suatu hari nanti, ada dalam kalangan peserta hari ini mampu menjadi pemain tenis tersohor di peringkat antarabangsa," ujarnya sejurus merasmikan program berkaitan di sini.

Turut sama, Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap, Dr. Amar Pritpal Abdullah.

Dalam pada itu, Ketua Jurulatih, K. Manimaran ketika ditemui menyatakan bahawa penganjuran *'Junior Tennis Program 2018'* merupakan program awal bagi memulakan program latihan selama enam bulan.

"Program latihan sebenar akademi tenis ini akan dimulakan sekitar bulan Mac 2019, dan saya percaya melalui ia bakat muda baru dapat digilap," katanya.

Menariknya, penganjuran *'Junior Tennis Program 2018'* turut mendapat sokongan pemain tenis remaja, M. Bharthie, 16, yang baru memenangi PLTA *Penang State Closed Tennis Championship* pada September 2018.

## ADUN pilih hantar anak ke SK, yakin sistem baharu pendidikan negara

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**



DR. Afif Bahardin (tiga dari kanan) bergambar bersama-sama murid-murid serta barisan para guru SK Pauh Jaya pada hari pertama sesi persekolahan bermula.

**SEBERANG JAYA** – Hari pertama sesi persekolahan baru di Sekolah Kebangsaan (SK) Pauh Jaya dekat sini gamat dengan pelbagai telatah murid-murid tahun satu.

Tinjauan Buletin Mutiara mendapati, ada dalam kalangan mereka ceria dan bersemangat masuk ke kelas bagi sesi 2019 ini, manakala ada juga yang masih 'berkepit' dengan ibu bapa.

Bagaimanapun, kemunculan super hero, 'Spiderman' untuk menyambut kedatangan murid dilihat berjaya menarik perhatian mereka.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin yang juga menghantar anak beliau, Ainaa Sofea, 7, ke sekolah tersebut, menjelaskan bahawa beliau memilih SK atas faktor keyakinan tinggi terhadap sistem pendidikan negara di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan.

Tambahnya, beliau amat mengharapkan agar institusi pendidikan negara diberi penekanan wajar dan bukan semata-mata bergantung kepada peruntukan.

"Kualiti penyampaian dan sistem pembelajaran kepada murid-murid harus diberi tumpuan, bukan hanya soal jumlah peruntukan sahaja.

"Saya difahamkan tahun ini juga merupakan tahun pertama pelaksanaan pelan tindakan pendidikan nasional yang mana akan ada perubahan dari segi sistem pentaksiran alternatif murid-murid.

"Bukan lagi berorientasikan peperiksaan tetapi lebih memfokuskan kepada kecenderungan dan perkembangan pembelajaran mereka.

"Oleh itu, kita mengharapkan agar sistem baru ini dapat mencungkil potensi sebenar anak-anak dari awal dan menggerakkan mereka untuk mencapai kejayaan yang lebih baik pada masa akan datang," ujarnya yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan negeri.

Menurut Afif, langkah Kementerian Pendidikan memansuhkan peperiksaan murid-murid Tahun Satu hingga Tiga disambut baik bagi memulihkan semangat dan prinsip sistem penilaian berasaskan sekolah

"Melalui sistem pentaksiran baharu ini, ibu bapa akan turut memainkan peranan secara aktif dengan pembelajaran anak-anak yang mana mereka akan melihat sendiri perkembangan pendidikan anak masing-masing tanpa perlu menyerahkan sepenuhnya sepenuhnya kepada guru-guru di sekolah.

"Jika dulu ibu bapa hanya tunggu kad laporan pelajar untuk melihat sama ada anak-anak mereka bagus atau tidak dalam pelajaran tetapi sekarang pendekatan yang diambil pihak kementerian adalah lebih aktif," ulasnya.

Dalam pada itu, Guru Besar sekolah berkenaan, Ramlee Abu Bakar memaklumkan bahawa seramai 246 murid tahun satu memulakan hari pertama di SK Pauh Jaya pada tahun ini.

# PROGRAM - PROGRAM EMAS

KERAJAAN NEGERI PAKATAN HARAPAN PULAU PINANG



**PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS**

**RM130**
**tahunan**



**PROGRAM BANTUAN OKU**

**RM130**
**tahunan**



**PROGRAM IBU TUNGGAL**

**RM100**
**tahunan**



**PROGRAM ANAK EMAS**

**RM200**
*'one-off'*



**PROGRAM PELAJAR EMAS**

**RM100**
*'one-off'*



**PROGRAM IBU EMAS**

**RM100**
**tahunan**



**SUMBANGAN PUKAT**

**2 kali**
**setahun**




**INSENTIF PEMANDU TEKSI & OPERATOR BAS SEKOLAH**

**RM600**
**setahun**



**INSENTIF PENARIK BECA**

**RM100**
**sebulan**

**PENGURUSAN JENAZAH /**
**KHAIRAT KEMATIAN WARGA EMAS & IBU TUNGGAL**

**RM1,000**
*'one-off'*



**RM1,000** *'one-off'* **untuk pelajar IPT awam & swasta terpilih**
**RM1,200 untuk pelajar IPT di Sabah & Sarawak**

**PELAJAR VOKASIONAL TEMPATAN terima RM300 secara** *'one-off'*

